

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 206 ● 31 MAC - 6 APRIL 2023 ● PP19441/12/2018 (035014)

PERCUMA

www.wilayahku.com.my

 [wilayahku.com.my](https://www.instagram.com/wilayahku.com.my)

 [Wilayahku](#)

 [@akhbarwilayahku](https://twitter.com/akhbarwilayahku)

 [Wilayahku](#)

 [WK TV](#)



FRP2023:
Seindah Ramadan,
Harmoni Lebaran

>> 9-11



**Hanya 40 peratus
pemilik strata kos
rendah lunas kos
penyelenggaraan**

>> 14-15



**5 sektor
bandar raya
neutral karbon
2050**

>> 18



**Sajian Pullman KL
imbau kenangan
dahulu kala**

>> 21

Gangguan bekalan air di Labuan seakan tiada noktah

Derita tanpa penghujung?



ISU gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan merupakan masalah yang sering menghantui kira-kira 100,000 penduduk di Pulau Bebas Cukai ini sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Boleh dikatakan hampir setiap minggu ia terjadi dan adakalanya masalah gangguan tersebut

memakan masa tiga sehingga enam hari untuk pulih seperti sediakala.

Difahamkan isu tersebut berlaku susulan keadaan paip yang berusia lebih 40 tahun dan telah pun usang sekali gus menyebabkan sering berlakunya kebocoran paip utama.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Uji sampel rawak juadah di bazar Ramadan

DBKL pastikan makanan selamat

KEBERSIHAN dan keselamatan makanan bazar Ramadan sentiasa menjadi tumpuan semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan bagi memastikan makanan yang dibeli atau dijual selamat serta berkualiti.

Justeru itu, bagi menjamin keselamatan dan kesihatan pengguna, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan mengambil sampel makanan secara rawak dan berjadual di 62 bazar Ramadan sekitar Kuala Lumpur.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata DBKL akan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ketika menjalankan pemeriksaan dan pemantauan sepanjang Ramadan.

"120 sampel makanan disasarkan diambil setiap hari sepanjang Ramadan dan akan dihantar ke Pusat Analisis dan Sekuriti Makanan DBKL (FoSAC) bagi tujuan analisis.

"Sekiranya terdapat sebarang aduan atau kes pencemaran, kompaun akan dikeluarkan dan menyenaraikan amanah mana-mana peniaga yang melanggar peraturan serta tidak akan meluluskan sebarang permohonan mendapatkan lesen pada tahun berikutnya," kata beliau semasa pelancaran Kempen Keselamatan Makanan dan Sifar Plastik Sekali Pakai di Bazar Ramadan KL 2023 pada Khamis.

Hadir sama Setiausaha Politik



MAHADI menunjukkan sampel makanan yang diambil di bazar Ramadan untuk diuji tahap kebersihan, keselamatan dan kualiti makanan.

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



SEKITAR Majlis Pelancaran Kempen Keselamatan Makanan dan Sifar Plastik Sekali Pakai di Bazar Ramadan KL 2023 di Taman Tasik Permaisuri, Cheras.

© DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

Perdana Menteri, Azman Abidin, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Dr Umi Ahmad dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid.

Beliau berkata tindakan tersebut dijalankan di bawah penguatkuasaan Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Petempatan Makanan (WPKL) 2016, Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (WPKL) 1979, Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009.

Menurut beliau lagi, berdasarkan rekod selama tiga tahun

kebelakangan ini, pencemaran sampel makanan di bazar Ramadan sebanyak 19.1 peratus dikesan pada tahun lalu namun ia menunjukkan penurunan berbanding 20.4 peratus pada 2021 dan 31.9 peratus pada 2019.

"Saya percaya, operasi seumpama ini sangat berkesan bagi mengawal kualiti dan keselamatan makanan yang dijual di bazar Ramadan sekali gus dapat menjamin keselamatan dan kesihatan pembeli," kata beliau.

Sementara itu, Mahadi berkata hanya 62 tapak permohonan bazar Ramadan diluluskan DBKL bagi tahun ini dan 48 tapak ditolak

berikutnya tidak memenuhi kriteria atau syarat yang ditetapkan.

"Satu lokasi yang diluluskan adalah berada di bawah seliaan DBKL iaitu tempat letak kereta Taman Tasik Permaisuri manakala 61 yang lain diuruskan pengaruh persendirian.

"Bagi tapak yang ditolak, DBKL telah meletakkan beberapa kriteria yang perlu dikehendaki agar tidak memberi kesan kepada penduduk setempat sepanjang beroperasi selama sebulan.

"Sudah tentu ketika penilaian dilakukan, kita memantau rekod-rekod lepas, lokasi berkenaan

sesuai untuk operasi bazar atau boleh mengganggu penduduk setempat termasuklah mengambil kira aspek keselamatan dan susun atur petak niaga," kata beliau mengulas isu kekecewaan beberapa peniaga yang tidak dapat bermiaga selepas permit bazar tidak diluluskan DBKL pada tahun ini.

Tegas beliau, sekiranya lokasi itu tidak sesuai, DBKL sama sekali tidak membentarkan operasi bazar dijalankan kerana dikhawatir akan menyebabkan masalah berbangkit termasuk aspek keselamatan, mengganggu pergerakan dan keselesaan pengunjung. WK

Warga Labuan gesa pihak bertanggungjawab pulih isu air segera

DARI MUKA HADAPAN

SITUASI gangguan bekalan air yang sering melanda ternyata bukan sahaja menjelaskan rutin harian penduduk malah sebanyak 35 notis gangguan bekalan air dikeluarkan Jabatan Bekalan Air (JBA) Labuan dengan beberapa kawasan mengalami pemotongan air selama dua minggu sejak Januari lalu.

Paling menyedihkan setiap kali masalah ini berlaku, penduduk pula terpaksa membelanjakan sejumlah wang untuk membeli air mineral bagi meneruskan aktiviti harian.

Biar pun ada disediakan tangki statik namun ia bukanlah penyelesaian utama memandangkan kapasiti air yang dibekalkan sentiasa tidak mencukupi kerana ia merupakan sumber utama kawasan tersebut ketika bekalan air terputus.

Tinjauan Wilayahku baru-baru ini sempat menyelami perasaan penduduk yang rata-ratanya tidak sanggup lagi berdepan dengan situasi tersebut lebih-lebih lagi ketika Ramadan dan menjelang Aidilfitri nanti.

Menurut salah seorang penduduk

Kampung Bukit Kalam, Md Hussin Osman, 47, situasi di pulau tersebut semakin serius apabila hampir setiap minggu masalah itu berlaku.

"Situasi ini amat menyusahkan kami jika bekalan air terputus. Saya terpaksa membawa botol dan tong dari rumah untuk mendapatkan air di tangki statik yang disediakan.

"Tambah menyukarkan apabila air di tangki tersebut tidak mencukupi menyebabkan kami terpaksa menunggu beberapa jam pula untuk pengisian semula air di tangki tersebut.

"Saya sangat berharap masalah ini dapat diatasi segera oleh pihak yang bertanggungjawab kerana bukan sahaja aktiviti harian terjejas malah ia turut mengganggu emosi," ujarnya.

Salah seorang penduduk rumah flat di Perumahan Mutiara Kampung Sungai Bedau, Josephine Malinsi,



RITHUAN



NELSON



JOSEPHINE

55, berkata dia sekeluarga terpaksa mengangkat air sehingga ke tingkat empat setiap kali gangguan air berlaku.

"Bayangkan bukan sahaja sekali tetapi berulang kali kami terpaksa turun naik tangga. Nak mandi pun susah apakah lagi jika ada kecemasan. Setiap bulan pasti ada sahaja notis gangguan bekalan air yang diterima."

"Kami juga terpaksa membeli air mineral dalam kuantiti yang banyak untuk memasak dan minum. Itu belum termasuk belanja membasuh baju di dobi dan makan di luar apabila air tiada," ujarnya yang tertekan dengan isu ini ditambah lagi kos sara hidup kian meningkat.

Bagi Pengurus Besar Mariner Hotel Labuan, Nelson Chieng, meskipun pihaknya tidak mengalami gangguan bekalan air secara serius kerana mempunyai tangki penyimpanan mencukupi namun dia turut simpati dengan penduduk

yang terjejas.

"Saya berharap isu ini diberi perhatian dan tindakan segera dapat diambil untuk menaik taraf sistem paip di pulau ini agar tidak berterusan menjelaskan penduduk di sini."

"Bekalan air amat penting kepada pertumbuhan ekonomi dalam sektor pelancongan serta industri minyak dan gas," katanya bersyukur memandangkan hotelnya terletak di kawasan bandar yang mana mereka tidak mengalami gangguan secara kerap berbanding kawasan kampung.

Dalam perkembangan lain, masalah air yang berlaku di pulau itu turut mendapat perhatian dari Pihak Berkusa Tempatan (PBT) iaitu Perbadanan Labuan (PL) yang sentiasa cakna dengan isu tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PL, Rithuan Mohd Ismail, penyediaan infrastruktur bekalan air adalah di bawah tanggungjawab Bahagian Bekalan Air (BBA) Labuan.

Walau bagaimanapun pihaknya amat prihatin mengenai krisis yang berlaku di pulau itu dengan menyediakan tambahan tangki statik pada tahun lalu bagi menampung

pertambahan keperluan penduduk.

"Kita akan melihat perkara ini dari semasa ke semasa tertakluk kepada kewangan PL itu sendiri. Ini kerana perkara itu tidak termasuk dalam perancangan kita tetapi jika keadaan masa itu yang agak terdesak kita akan sentiasa membantu dari segi logistik dan sebagainya demi kesejahteraan warga di pulau ini."

Rithuan berkata isu krisis air yang sering melanda wilayah itu perlu ditangani bersama-sama dengan agensi-agensi yang berkaitan agar perkara itu dapat diatasi secara teratur.

Terdahulu, penduduk di pulau ini terjejas bekalan air bersih selama lebih tiga hari susulan pam motor di tangki agihan air utama Pulau Enoe mengalami kerosakan dan kejadian litar pintas yang merosakkan (Resistant Bank) pada Papan Kawalan Utama Pam Fasa Dua di Stesen Pulau Enoe.

Labuan bergantung kepada 90 peratus bekalan air dari tanah besar melalui saluran paip dasar laut sepanjang 25.7 kilometer yang disalurkan terus dari Sungai Padas di Beaufort ke empangan di Pulau Enoe. WK

Pembangunan semula Pasar Jalan Raja Bot dijangka siap Oktober 2025

HAZIRAH HALIM

DESAS-DESUS berhubung disu proses naik taraf Pasar Jalan Raja Bot atau Pasar Chow Kit di Kampung Baru yang dikatakan tertangguh hampir 10 tahun akhirnya akan diselenggarakan semula dengan perbelanjaan kos dijangka sebanyak RM125.8 juta.

Perkara itu dimaklumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Azalina Othman Said ketika menjawab soalan Johari Ghani (BN-Titiwangsa) berhubung persoalan yang timbul mengenai bila ia akan siap dan sama ada kerajaan telah memberi kelulusan untuk membina semula pasar itu yang katanya telah terbengkalai selama tempoh tersebut.

Azalina menjelaskan pembangunan semula pasar itu tidak terbengkalai sebaliknya dilaksanakan secara berfasa sehingga tarikh jangkaan siap pada fasa terakhir iaitu Oktober 2025.



PENIAGA tetap menjalankan perniagaan biarpun pembangunan sedang berjalan.



PASAR Jalan Raja Bot masih dalam pembinaan.

ini.

“Projek pembangunan pasar terbabit disiapkan secara berperingkat yang mana Fasa 1 telah siap sepenuhnya pada 25 April 2016 kemudian diteruskan ke Fasa 2 yang mana pasar itu berada pada tahap 90 peratus siap dan ditetapkan untuk siap pada 19 Mei tahun

Ketika di parlimen, Johari Ghani yang merupakan Ahli Parlimen

Titiwangsa itu turut menekankan bahawa pembangunan semula Pasar Jalan Raja Bot dianggap sebagai masalah utama di kawasannya.

Beliau turut berkata kerajaan perlu memastikan kontraktor yang dilantik untuk projek itu layak dan mampu menyiapkan kerja tepat

pada masanya.

Walau bagaimanapun, Azalina menjelaskan kontrak kontraktor utama bagi pelaksanaan projek itu telah ditamatkan pada 18 Ogos 2021 namun kontraktor baru telah dilantik melalui tender terbuka pada 26 September tahun lepas. **WK**

KOPERASI MAKMUR MALAYSIA BERHAD

MAKMUR GOLD

JOM !!!

**CIPTA PENDAPATAN
SAMPINGAN BERSAMA KAMI
DENGAN BERURUSNIAGA
EMAS TERPAKAI**

MANFAAT

- MENJANA PENDAPATAN SAMPINGAN.
- DIURUSKAN DENGAN SISTEM YANG SISTEMATIK.

MODAL

BOLEH BERMULA DENGAN MODAL MENGIKUT KEMAMPUAN MASING-MASING.

- KALIS INFLASI.
- ASET YANG MELINDUNGİ NILAI MATAWANG.

Makmur GOLD Putrajaya 018 3595072 **mgputrajaya**

Flag Off Konvoi Bakul Rahmah

PELEPASAN. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bersama Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub menyempurnakan Flag Off Konvoi Bakul Rahmah ke Tambun pada Selasa di lobi Pejabat Ketua Majlis, Bangunan Parlimen.

Sebanyak enam buah lori yang membawa 1,500 Bakul Rahmah dilepaskan ke Tambun bagi membantu kumpulan miskin tegar B10 (pendapatan kurang

dari RM2,500) dalam menangani kos sara hidup.

Sebagai rekod, KPDN telah melancarkan inisiatif Bakul Rahmah melalui Program Payung Rahmah yang telah diperkenalkan pada awal tahun ini.

Sehingga hari ini, sebanyak 26,150 Bakul Rahmah telah diagihkan ke seluruh Malaysia dengan bantuan sumbangan berbentuk makanan asas daripada Yayasan Global Mesra (YGM). **WK**



ANWAR (tengah) menyempurnakan Flag Off Konvoi Bakul Rahmah ke Tambun pada Selasa.

Peniaga bazar cakna aspek pembaziran dan kualiti makanan

HAZIRAH HALIM

SETIAP kali tibanya bulan Ramadan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pasti memperketatkan pemantauan daripada aspek kualiti, pembaziran serta harga jualan di bazar Ramadan.

Terbaharu, DBKL turun mengambil sampel makanan secara rawak di bazar Ramadan bagi memastikan makanan yang dijual peniaga berkualiti serta tidak tercemar.

Berkongsi pandangan tentang hal tersebut, peniaga air di Bazar Ramadan Seksyen 1 Wangsa Maju, Muhammad Basri Jalil, 32, berkata kebersihan dan kualiti khususnya air yang dijual menjadi keutamaannya dalam menjalankan perniagaan di bazar.

"Peniaga mahupun pelanggan kedua-duanya pasti mementingkan kualiti makanan atau minuman. Jadi untuk menjamin keselamatan pengguna, saya sama sekali tidak akan menjual air minuman yang telah dijual pada hari sebelumnya.

"Jika tiada air kosong misalnya, saya akan beli di mesin jual air dan memasaknya terlebih dahulu untuk mengelakkan berlakunya keracunan atau pencemaran air



PENIAGA bazar Ramadan Wangsa Maju akui kualiti makanan dan minuman merupakan faktor utama dalam jualan.

tanpa disedari," katanya kepada *Wilayahku*.

Ditanya tentang isu pembaziran di bazar Ramadan pula, Basri berkata langkah penetapan harga yang berbaloi dengan jualan adalah amat penting untuk mengelak hal tersebut.

"Terlalu banyak pilihan air yang dijual akan memeningkan pelanggan. Disebabkan itu, saya hadkan hanya dua balang air sahaja untuk dijual setiap hari," jelasnya

jika tidak habis dijual dia akan memberikannya kepada peniaga lain atau pengunjung.

Meskipun aspek kualiti dan pembaziran makanan menjadi perhatian umum namun peningkatan kos bahan mentah yang tidak menentu turut memberi tekanan kepada peniaga untuk menetapkan harga jualan setanding modal dan keuntungan perniagaan.

Menurut peniaga ayam bakar, Zuliskandar Azman, 25,

peningkatan harga bahan mentah menyebabkan dia terpaksa bermain dengan kuantiti dan harga makanan.

"Sekarang harga ayam sekitar RM10 seekor. Jadi kami terpaksa bermain dengan kuantiti dan harga makanan misalnya seekor ayam yang dipotong empat bahagian, kami jual dengan harga RM12 manakala ayam yang dipotong kepada dua bahagian pula berharga RM20 beserta nasi. **WK**.

Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri penjawat awam dibayar pada 17 April ini

BANTUAN Khas Kewangan Aidilfitri (BKKA) 2023 sebanyak RM700 kepada pegawai perkhidmatan Awam yang layak akan dibayar pada 17 April ini.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, **Datuk Dr Zulkapli Mohamed** memaklumkan BKKA tahun ini diberikan kepada yang layak iaitu Penjawat Awam Gred S6 dan ke bawah termasuk pegawai lantikan

MySTEP yang masih berkhidmat dan telah dilantik sebelum tarikh berkenaan.

"BKKA turut dibayar kepada pegawai lantikan tetap, sementara dan *Contract of Service* (COS) serta pegawai yang bercuti bergaji penuh, separuh gaji dan cuti tanpa gaji termasuklah pegawai yang dipinjamkan ke agensi yang diasangkan pengurusan saraannya.

"Guru interim, pemandu yang dilantik sendiri oleh pegawai Gred Jawatan Utama B ke atas serta Gred Khas A ke atas yang layak pemandu tetapi tidak disediakan pemandu oleh jabatannya termasuk pemandu yang dilantik sendiri oleh anggota pentadbiran, hakim dan Pesuruhjaya Kehakiman juga layak menerima BKKA 2023," jelas beliau dalam surat edaran.

Tambah beliau, BKKA 2023 ini turut dipanjangkan kepada pesara kerajaan dengan bayaran sebanyak RM350.

"Ia merangkumi pesara berpencen, penerima pencecutan, pesara Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), veteran berpencen serta tidak berpencen.

"Pesara kerajaan yang menerima pencecutan termasuk bersara Atas Sebab

Kesihatan (ASK) pada atau sebelum 17 April akan dibayar oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

"Veteran yang dilantik semula secara lantikan tetap, sementara, COS dan masih berkhidmat pada tarikh itu layak dibayar RM700 namun bayaran RM350 akan dibuat oleh JPA/JHEV dan selebihnya dibayar oleh tempat pegawai tersebut berkhidmat," jelas beliau. **WK**

CERITA KEDAI KOPI

Biar bersih, sedap, murah

SETIAP kali Ramadan, bazar Ramadan menjadi tumpuan. Pengunjung berpeluang memilih makanan dan lauk-pauk untuk berbuka puasa, di samping pelbagai jenis minuman dan kuih-muih.

Berbelanja di bazar Ramadan boleh dianggap sebagai satu kemudahan kepada suri rumah, khususnya yang bekerja. Dalam kepentingan balik kerja, lebih mudah membeli juadah siap. Di rumah boleh sediakan air minuman sahaja atau tambah masakan mudah.

Namun daripada maklum balas yang kawan Kedai Kopi terima, baik daripada rakan dan kenalan, harga makanan dan minuman di bazar Ramadan mahal. Para penjual memberi alasan meningkatkan harga kerana kos bahan mentah tinggi.

Kebanyakan mereka memberitahu, harga nasi, ayam, daging dan ikan mahal berbanding biasa. Ada laporan nasi ayam berempah dijual sehingga

RM15 satu bungkus manakala air minuman juga mencecah RM5 untuk satu cawan plastik.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, tidak mengapa ambil sedikit untung kerana itu adat bermiaga. Tetapi biarlah munasabah, jangan terlalu banyak sehingga membebankan pembeli.

Selain itu, kawan-kawan Kedai Kopi juga dimaklumkan, kualiti makanan yang dijual juga ada yang mengecewakan. Ada makanan yang masakannya tidak sempurna dan rasanya tidak sedap. Mungkin ini dijual oleh mereka yang tidak biasa memasak dan hanya muncul pada bulan Ramadan.

Kawan-kawan Kedai Kopi ingin menasihati mereka yang bermiaga di bazar Ramadan supaya mengambil berat aspek kebersihan dalam penyediaan makanan atau minuman. Ini untuk menjamin ia tidak menjelaskan kesihatan pelanggan.

Masakan bukan sahaja mestinya bersih tetapi jangan disiapkan terlalu awal sebelum waktu jualan. Jika terlalu awal, keberangkalian makanan menjadi tidak elok atau basi adalah lebih cepat. Bimbang apabila sampai di rumah makanan sudah tidak boleh dijamah.

Bagi minuman pulas, pastikan guna air yang dimasak. Jangan sesekali menggunakan air terus dari paip. Risikonya sangat tinggi jika

menggunakan air tidak dimasak. Memakan makanan yang tidak elok atau minum air paip boleh menyebabkan keracunan makanan.

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya jika makanan bersih dan enak, harga tidak membebankan, orang ramai akan bertumpu ke gerai mereka. Jika sebaliknya dan disampaikan dari mulut ke mulut, alamat gerai akan lengang.

Pilihan bayar tol

SEPTEMBER ini era baru dalam kutipan tol di lebuh raya bermula. Sistem bayaran *Touch 'n Go* (TnG) tidak lagi menjadi sistem bayaran tol tunggal seperti sekarang. Sebaliknya pengguna mempunyai pilihan menggunakan kad kredit atau kad debit.

Bagaimanapun untuk permulaan, ia akan melibatkan beberapa lebuh raya di Lembah Klang, juga Jambatan Pulau Pinang. Jika berjaya, ia akan diperluas.

Lebuh raya terlibat ialah Lebuh Raya Bertingkat Ampang-Kuala Lumpur (AKLEH); Lebuh Raya Pantai Baharu (NPE); Lebuh Raya Sungai Besi dan Lebuh Raya Guthrie. Juga Lebuh Raya Damansara-Puchong (LDP); Skim Penyuraian Trafik KL Barat (Sprint); Lebuh Raya Shah Alam (KESAS); Terowong SMART dan

Lebuh Raya Kuala Lumpur-Putrajaya (MEX).

Sistem ini akan menamatkan monopoli TnG. Tetapi bagi kawan-kawan Kedai Kopi ia akan memberi pilihan kepada orang ramai menggunakan kaedah pembayaran yang disukai. Jika misalnya terlupa menambah atau *top up* TnG boleh gunakan kad kredit dan kad debit. Cuma pastikan ada duit di dalamnya.

Sebenarnya sistem pelbagai bayaran ini sudah banyak digunakan sekarang hanya di lebuh raya sahaja masih terikat dengan TnG. Contohnya di pusat beli-belah atau pejabat, orang ramai boleh parkir kenderaan menggunakan kad kredit, kad bank dan TnG.

Memang kaedah ini lebih mudah dan tidak menyusahkan pengguna. Jika tidak ada satu kad, gunakan yang lain. Ini kerana kaedah pembayaran menggunakan wang tunai sudah dikira pupus.

Diharap kerajaan tidak mengambil masa terlalu lama untuk melaksanakan sistem pelbagai bayaran tol ini ke seluruh negara. Semua pengguna mahu sistem yang lancar dan pantas, tidak ada kesesakan di plaza tol.

Jika boleh elakkan kajian yang terlalu lama. Mungkin kerajaan boleh ambil panduan daripada pengendali di pusat beli-belah atau bangunan pejabat mengenai pelaksanaannya memandangkan mereka sudah lama menggunakanannya.

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz

azlanaziz@yayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi

helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray

azlanwilayahku@gmail.com

Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin

khairulwilayahku@gmail.com

Deel Anjer

deelanjer6@gmail.com

Sabrina Sabre

sabrinawilayahku@gmail.com

Hazirah Halim

hazirahwilayahku@gmail.com

Diana Amir

dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid

lemandecaprio@gmail.com

Fauzi Taib

adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan

aminwtv@gmail.com

Muhammad Syuqqree Mohd Dain

syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir

fatihah@yayasanwp.org.my

Nurul Hazwani Haslan

nhmm8686@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi

roslee@yayasanwp.org.my

DAPATKAN NASKHAH PERCUMA

Lokasi edaran:



JANGAN TERLEPAS EDISI BERCETAK DAN E-PAPER WILAYAHKU

Wilayah Ku



Wilayahku juga boleh didapatkan di lokasi terpilih seperti Pejabat Kerajaan, Masjid, Surau, 7 Eleven, 99 Speedmart, stesen minyak dan restoran serta lokasi tumpuan orang ramai.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

Wilayah Ku
MEDIA WARGA KOTA

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]

FULL PAGE		HALF PAGE	
26cm X 33cm		26cm X 17cm	
RM7,500	RM5,500		
QUARTER PAGE		PANEL PAGE	
12cm X 17cm		[INNER]	26cm X 6cm
RM4,500	RM4,500		

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

	FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
	MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
	MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
	HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhab akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLEE HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:

YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

Teringat Ramadan 1998



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

RAMADAN datang lagi. Kali ini kedatangan Ramadan membawa suasana yang jauh berbeza berbanding ketika kita dalam belenggu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Kali ini dan dua tahun sebelumnya kita sudah kembali menikmati Ramadan dalam ruang yang luas, tidak lagi dalam lingkaran 10 kilometer.

Menyambut Ramadan ketika PKP telah meninggalkan trauma yang panjang. Ketika itu semua kebebasan untuk bergerak tiba-tiba tidak lagi menjadi milik kita. Ramadan malah Hari Raya Aidilfitri juga disambut dalam lingkaran yang sempit dan penuh traumatis.

Selain trauma PKP, saya pernah menyaksikan Ramadan seterusnya Aidilfitri dalam keadaan negara dilanda kegawatan ekonomi. Tragedi ekonomi yang berlaku tahun 1998 adalah yang paling teruk dalam sejarah. Mungkin sebahagian besar dalam kalangan anak muda terlepas daripada menyaksikan keadaan genting itu.

Ketika itu banyak dalam kalangan kawan saya yang mempunyai pekerjaan yang baik, malah mempunyai perniagaan, akan tetapi terpaksa menjadi penganggur dalam sekilip mata. Rempuan kegawatan ekonomi itu membadi syarikat-syarikat kecil walaupun banyak syarikat besar juga tidak terkecuali.

Keadaan yang berlaku agak pantas selepas setahun iaitu pada 1997 banyak negara di Asia sudah dirempuh kegawatan ekonomi. Maka negara kita juga tidak terkecuali sekalipun ekonomi berkembang pesat pada awal dekad 1990-an.

Kegawatan ekonomi itu bukan main-main, juga bukan perkara kecil. Kesannya sangat teruk dan banyak yang menyambut Ramadan dalam keadaan pilu – hilang pekerjaan dan pendapatan. Yang bekerja hilang pekerjaan dan mereka yang mempunyai perniagaan pula banyak yang terpaksa ditutup.

Ramadan 1998 itu sangat memeritkan. Banyak yang bernasib malang tidak lagi dapat menikmati juadah berbuka puasa yang beraneka jenis. Mereka terpaksa memikirkan belanja harian yang terpaksa dikecilkan pada kadar yang tidak munasabah.

Saya menyaksikan keadaan



DALAM kemeriahannya menyambut Ramadan, jangan dilupakan masa getir menghadapi bulan ibadah ini semasa negara kita berdepan PKP dan kegawatan ekonomi.

yang tidak dijangka itu dengan pengamatkan sekali gus keinsafan. Saya hanya bergaji kecil, tetapi ada pendapatan. Melihat keadaan kawan-kawan yang lain, mereka hilang semuanya. Keadaan itu sangat menguji kesabaran orang-orang yang berada di sekeliling – kawan-kawan dan sanak saudara.

Nilai ringgit menjunam dengan pantasnya hingga mencapai RM3.80 bersamaan AS\$1. Penyusutan nilai ringgit itu menyebabkan sektor pengeluaran dan pembinaan terjejas dengan teruknya. Masa yang sama simpanan negara menjadi kecil.

Akan tetapi kerajaan telah bertindak dengan yakin dan pantas menambat nilai mata wang ringgit pada RM3.80. Masa yang sama menolak tawaran pinjaman oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). IMF itu lebih kurang seperti along, negara yang menerima pinjaman IMF terperangkap dalam beban hutang yang berpanjangan.

Walaupun saya tidak menerima kesan kegawatan itu secara langsung, akan tetapi kawan-kawan yang berada di sekeliling menjadi mangsanya. Cubit paha kiri paha kanan pasti terasa. Saya melihat dengan penuh duka, akan tetapi tidak berdaya untuk membantu kecuali memberikan sokongan moral.

Bagaimanapun saya tidak meletakkan diri dalam keadaan selesa, malah merakamkan semua keadaan yang berlaku sebagai peringatan. Hal-hal yang serupa

itu telah membangkitkan rasa keinsanan yang lebih tinggi malah sangat mensyukuri rezeki yang sedikit.

Malah sentiasa memikirkan tindakan-tindakan yang boleh dilakukan sekiranya menjadi salah seorang yang kehilangan pekerjaan. Hilang kerja di Kuala Lumpur bagaikan ‘hilang nyawa’ kerana semuanya memerlukan duit dan tidak ada tempat untuk meminta bantuan. Maka saya tidak pernah berasa lelah untuk turut memikirkan hal-hal ‘sekiranya’ atau ‘kalau’ itu benar-benar berlaku.

Sekalipun saya menjalani kehidupan dengan cara yang amat sederhana tetapi tetap diburu kebimbangan. Sepanjang pengalaman hidup di Kuala Lumpur, Ramadan tahun 1998 adalah yang hilang serinya. Masing-masing bergelut dengan ancaman kehilangan kerja. Untuk mendapat kerja baharu boleh diibarat seperti mencari jarum di atas padang bola.

Suasana di bazar Ramadan agak muram sekalipun sebelum itu menjadi seperti pesta makanan. Hal ini memberitahu akan kedudukan kewangan warga yang berpendapatan rendah. Sudahlah bergaji kecil berdepan pula dengan risiko kehilangan kerja.

Pusat membeli-belah juga tidak semeriah sebelumnya. Malah Jalan Tuanku Abdul Rahman atau Jalan TAR yang menjadi tumpuan pada setiap Ramadan menjadi sunyi. Persiapan menyambut Ramadan dan Aidilfitri bukan lagi perkara

berlangsung di bawah khemah sahaja.

Walaupun arahan itu hanya terpakai kepada kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, pihak syarikat korporat juga memanfaatkan semangat yang sama. Masing-masing memperlihatkan seruan berjimat cermat dalam berdepan dengan kegawatan ekonomi.

Saya sangat setuju dengan arahan sedemikian. Malah bukan sahaja ketika kegawatan, akan tetapi pada masa yang lain. Sudah lama sebelum itu saya perhatikan banyak kementerian menganjurkan majlis berbuka puasa atau hari raya di hotel mewah.

Ini adalah suatu perbuatan yang tidak beretika. Majlis itu bukan untuk yang tidak berkemampuan, akan tetapi kepada yang terlebih mampu malah hidup dalam kemewahan. Penganjuran itu menjurus pembaziran dan menggunakan wang rakyat secara tidak betul.

Majlis yang dianjurkan secara sederhana di bawah khemah juga mencapai matlamat untuk meraikan Ramadan dan memberi makan golongan yang tidak berkemampuan. Golongan yang elit dan kaya juga ikut serta. Mereka membuktikan ular yang bisa tetap berbisik sekalipun berulang kali menyusur akar.

Bagaimanapun sebaik sahaja melepas era kegawatan ekonomi, arahan supaya berjimat cermat seolah-olah terpadam. Selepas ekonomi pulih penganjuran acara Ramadan dan Aidilfitri oleh kementerian kembali ke hotel-hotel mewah. Duit yang dikutip daripada cukai rakyat dibelanjakan secara kurang berhemah. Inilah yang saya labelkan sebagai tidak beretika. Ramadan semestinya menginsafkan.



ANTARA PUASA DAN RAYA

Nafsu tersandar di meja dapur
Manis membusuk di dalam kantung
Sedekah yang hanya,
sujud beberapa

Bacaan dan doa ialah basa-basi
Yang terapung di antara lidah
dan kerongkong

Hujungnya, kau mendambakan
seribu pahala, awal lagi kau
sudah mabuk raya.

ABUYON
Paka, Terengganu.

t.me/wilayahku

IMBAS KOD QR

SERTAI SALURAN TELEGRAM

Wilayah Ku

UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!

19,228 tan sisa makanan sehari

JUMLAH sisa makanan di Malaysia pada bulan Ramadan ini dianggar bertambah 75,000 tan berbanding jumlah di luar bulan puasa. Tentunya ini satu angka tambahan yang tinggi dan kerap berlaku setiap kali bulan Ramadan.

Memetik Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Sisa Pepejal (SWCorp), Ismail Mokhtar, pertambahan sisa tersebut dengan mengambil kira peningkatan 15 peratus kutipan sisa makanan pada bulan Ramadan.

Pada hari biasa jumlah sisa makanan dikutip ialah 16,720 tan setiap hari di seluruh negara. Namun pada bulan Ramadan, sisa makanan setiap hari meningkat kepada 19,228 tan. Ini bermakna terdapat tambahan 2,508 tan sisa dikutip setiap hari pada bulan Ramadan.

Adi terkedu apabila meneliti angka yang diberikan oleh Ismail. Banyak sisa makanan bermakna banyak makanan dibuang, baik daripada kediaman perseorangan, kedai makan, restoran, hotel dan sebagainya.

Peningkatan di bulan Ramadan pula menampakkan pada bulan di mana sepatutnya umat Islam jimat berbelanja dan tidak membazir makanan, sebaliknya pula yang berlaku. Tahap pembaziran begitu tinggi pada bulan mulia ini.

Cuba ambil skop yang kecil dahulu iaitu diri kita dan rumah kita. Lihat kecenderungan individu berbelanja, tidak terkecuali di Wilayah Persekutuan, pada bulan puasa ini. Adakah kita semua benar-benar berhemah ketika berbelanja dan hanya membeli yang perlu untuk keluarga?

Selalunya tidak begitu. Sering kali yang berlaku ialah ‘lapar mata’ mengatasi keperluan sebenar. Ketika datang ke bazar Ramadan, baik di Kampung Baru, Wangsa Maju, Danau Kota, Shah Alam, Gombak atau lain-lain, memang perut lapar. Tekak pula kering menahan dahaga.

Apabila sampai di bazar Ramadan yang penuh dengan



UMAT Islam diingatkan supaya jangan membazir dan membantu mereka yang kurang mampu.

pelbagai jenis makanan, lauk-pauk dan minuman, mata jadi rambang, berpinar membuat pilihan. Semua hendak dibeli, semua hendak dirasa. Maklum perut sedang lapar, godaan nafsu makan pula menguasai diri.

Oleh itu tanpa berkira, bermacam-macam jenis makanan dan lauk-pauk dibeli. Nasi tomato, nasi ayam, nasi Arab, ayam panggang, daging bakar, mi kari, laksa semua hendak diberong. Roti boom, roti john pun masuk dalam menu pilihan.

Selain itu pelbagai jenis minuman berlainan rasa dibeli. Air bandung, air kelapa, air keladi, teh ais turut diberong. Ini belum lagi pelbagai kuih muih atau bubur dan pengat yang bakal menjadi makanan pencuci mulut.

Namun sering kali yang berlaku ialah apabila menikmati makanan berat sewaktu berbuka, perut akan kenyang. Nafsu lapar sudah hilang. Tetapi masih banyak baki makanan yang belum dijamah atau tidak habis dimakan.

Apa yang harus dilakukan? Makanan yang masih boleh

disimpan mungkin disimpan dalam peti sejuk. Namun lebihan makanan terpaksa dibuang. Malah ada yang membuat makanan walau masih elok kerana beranggapan ia sudah menjadi makanan lama.

Jika sebuah rumah membuat sisa pada jumlah tertentu, bayangkan buangan daripada keseluruhan rumah orang yang berpuasa di Wilayah Persekutuan, apatah lagi di seluruh negara. Tidak dapatlah Adi hendak anggarkan.

Kemudian lihat pula buangan sisa makanan dari premis lain seperti kedai makan dan restoran, atau hotel yang mengadakan buffet berbuka puasa. Bayangkan berapa banyak restoran ternama dan hotel di Kuala Lumpur yang menawarkan buffet Ramadan.

Oleh kerana buffet sudah menetapkan bayaran bagi satu kepala, pelanggan boleh mengambil sebanyak mana makanan yang dikehendaki. Pilih sahaja yang berkenan di hati. Rugi jika ambil sedikit sedangkan kos satu kepala tinggi.

Namun yang kerap terjadi ialah sikap tamak dalam kalangan mereka dengan mengambil makanan dalam kuantiti yang banyak walaupun sedar mungkin mereka tidak mampu menghabiskan. Apa peduli, sudah bayar. Ambil sahaja sesuka hati.

Akibat mengambil makanan melebihi kemampuan perut, banyak makanan tidak habis. Malah ada yang tidak diusik langsung. Ke mana akhirnya jika bukan ke tong sampah. Pastinya menambah kuantiti sisa pepejal.

Sedih melihat makanan yang belum disentuh dibuang begitu sahaja. Adi sayu apabila

mengenang sementara begitu banyak makanan yang masih elok dibuang, ramai di luar sana yang tidak ada makanan. Mereka mengharap makanan, yang mewah dengan makanan pula membuatnya.

Kerana itu salah satu perkara yang sering diingatkan kepada umat Islam ialah jangan membazir, baik dalam keadaan biasa, apatah lagi pada bulan Ramadan. Sebaliknya umat Islam digalak berjimat dan membantu mereka yang kurang mampu.

Ini adalah amalan mulia, terutama memberi makan atau bersedekah kepada yang memerlukan. Sudah pasti perbuatan ini berganda-ganda baiknya berbanding membazir makanan. Lebih baik bersedekah makanan kepada yang memerlukan bukan membuatnya.

Satu aspek yang perlu Adi tekankan ialah membuat sisa makanan bukan sahaja pembaziran tetapi menimbulkan masalah alam sekitar. Seperti ditekankan oleh Ismail Mokhtar, sisa makanan merupakan punca utama pencemaran.

Menurut beliau, jika sisa makanan ini tidak diurus dengan baik, negara terpaksa terus bergantung kepada tempat buangan sampah yang tidak dapat dirawat.

Akibatnya jika terdapat terlalu banyak sisa makanan di tempat pembuangan, akan menyebabkan pencemaran persekitaran disebabkan larut resapan dan resapan ini perlu dirawat. Apabila larut resapan meningkat, kos merawat juga meningkat.

Rawatan perlu dilakukan kerana larut resapan boleh

mengalir dan mencemari sungai misalnya. Akibatnya ia membunuh hidupan sungai seperti ikan dan sumber makanan lain. Jelas buangan sisa makanan boleh menyebabkan kesan rantaian yang membahayakan manusia dan alam sekitar.

Mungkin fakta ini tidak disedari oleh orang ramai dan kerana itu merasakan boleh sahaja sesuka hati membuat sisa makanan tanpa menyedari kesannya. Namun yang lebih teruk ialah jika tahu tetapi tidak mempedulikan. Kesedaran sivik sangat rendah.

Sehubungan itu menjadi harapan Adi agar orang ramai tidak memandang ringan isu pembuangan sisa makanan ini, sebaliknya sama-sama membantu pihak berkusa mengatasinya. Ingatlah ia demi kebaikan diri kita sendiri juga.

Di bulan Ramadan mulia ini, kepada umat Islam khususnya, jadikan ia sebagai bulan kesedaran. Tanam dalam diri azam untuk tidak membazir. Tanam keinsafan bahawa membazir itu dilarang oleh agama.

Bagi Adi, jika kita ingat dan bersympati dengan kesusahan dan penderitaan mereka yang sukar mencari sesuap nasi, insya-Allah akan timbul kesedaran untuk tidak membazir. Malah mungkin akan wujud semangat membantu mereka. Itulah sebaik-baik perbuatan dan Allah akan memberi ganjaran.

Adi—Berbuka ala kadar

Ali Fath

Sajak

**SEORANG TUA
DI KATIL PESAKIT**
(khas buat Angah)

*Di katil besi itu
bulan tidak melengkung di muka
hanya mega mendung lahir di dah
rumput-rumput putih segar
tumbuh di kedut belukar
bersama akar menjalar
mencari nyawa di dasar bumi*

*Kegagahannya dulu telah tiada
bersemadi di kaki gunung
kepetahannya dulu telah hilang
tenggelam di dasar jeram
kemesraannya dulu telah dicuri
oleh unggas menyanyi dan menari*

*Sebelum aku pulang,
tiupan doa di telinga
agar kembali berdiri
di kaki gunung ledang
dan bercerita
tentang cintanya
pada negara bangsa.*

A.AFFENDIO937 @ LEKIR
Hospital Putrajaya

SKETSA SEMASA

Wilayah Ku



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Tel: 03-8861 5260 E-mel: editorwilayahku@gmail.com

Tingkat kemahiran pelajar sekolah rendah

UPM, PREPKOM Hiliran Ampang jalin kerjasama

HAZIRAH HALIM

PENUBUHAN Pusat Pemerkasaan Pendidikan Dan Komuniti (PREPKOM) di bawah inisiatif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) dilihat bukan sahaja membantu kerajaan menangani gejala sosial dalam kalangan remaja bahkan memudahkan komuniti setempat melaksanakan pelbagai aktiviti yang membawa manfaat.

Mengambil peluang tersebut, 30 pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan Program Teach The Needs 4.0 sebanyak tiga siri iaitu pada 29 Mac lalu, 2 April dan 9 April 2023 bersama 30 pelajar sekolah rendah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran Ampang, Kuala Lumpur.

Pengarah Projek, **Aqilah Abd Rahman** berkata sepanjang program ini, pelajar darjah satu hingga darjah



enam dalam kategori keluarga berpendapatan rendah (B40) diberi latihan dan perkongsian tentang kemahiran 3M (membaca, menukar, mengira) melalui pembelajaran literasi dan numerasi.

“Alhamdulillah, hari pertama program berjalan lancar. Kami memfokuskan kepada skop pembelajaran Bahasa Melayu dan Matematik yang mana mereka melakukan aktiviti membaca dan menulis dalam kum-

pulan,” katanya kepada Wilayahku.

Hasil daripada aktiviti yang dilaksanakan pada hari tersebut, Aqilah mendapat tahap penguasaan para pelajar terhadap subjek yang diberi masih perlu ditingkatkan pada masa hadapan.

“Jadi, perancangan akan datang, kami akan mengasah semula kelebihan dan tahap penguasaan pembelajaran serta akan menghasilkan modul yang lebih seiring dengan skop pembelajaran di sekolah agar peserta dapat menguasai subjek tersebut dengan mudah,” katanya.

Mengulas lanjut, Aqilah berkata setiap atau aktiviti yang diadakan sepanjang tiga hari program itu adalah berbeza-beza bagi memperluaskan pengetahuan pelajar dalam skop pembelajaran yang diketengahkan di samping menarik lagi minat peserta untuk hadir ke program tersebut.

Terdahulu, Program Teach The Needs 4.0 anjuran pelajar Kolej Tan

Info ADUAN

DBKL
Tel : 03-2617 9000



Perbadanan Putrajaya
Tel : 03-8887 7000
Aduan : 03-8887 3000



Perbadanan Labuan
Tel : 087-408600
Aduan : 087-408852



Wilayahku
WhatsApp
: 011-5958 7489

Sri Mustaffa Babjee, UPM dengan kerjasama YWP dan PREPKOM ini merupakan salah satu aktiviti kesukarelawanan dan jalinan masyarakat khususnya dalam menyantuni anak-anak sekolah dalam kategori B40 di PPR. WK

Bayview Court 1D rangkul dua Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023

KERJASAMA antara penduduk pangsapuri Bayview Court 1D, Taman Sri Sentosa, Kuala Lumpur dengan Universiti Malaya (UM) mewujudkan Bayview Green Garden (ruang berkebun) berjaya merangkul dua pengiktirafan di Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 baru-baru ini.

Anugerah yang berlangsung di KL Park Festival itu menyaksikan Bayview Green Garden menerima pengiktirafan empat bintang dan pengiktirafan khas kelestarian juri taman.

Penjurian berdasarkan empat kriteria termasuk pengurusan sosiobudaya, alam sekitar, ekonomi dan pentadbiran projek mampan.

Selain itu, ia turut mengambil kira reka bentuk taman dan landskap, kepelbagaiannya spesies tumbuhan dan amalan pengurusan taman yang mantap.

Kerjasama yang terjalin bertujuan mempromosikan kebun bandar yang mampan dalam kalangan masyarakat itu merupakan sebahagian daripada Kempen Berkebun Lestari UM sejahtera dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Kebun yang dibangunkan pada tahun 2020 itu turut dibantu oleh pasukan penyelidik UM yang diketuai Dr Rosazlin dari Pusat Jalinan Masyarakat Universiti Malaya (UMCares).

Sehingga kini Bayview Green

Garden masih aktif menawarkan pelbagai aktiviti pertanian seperti penanaman sayur-sayuran dan penjualan anak benih.

Terdahulu, Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023 diadakan bertujuan untuk mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada penduduk bandar Kuala Lumpur yang berjaya membina dan memelihara kebun kejiranan dengan baik.

Program ini dianjurkan oleh Majlis Bandaraya Kuala Lumpur (MBKL) sebagai sebahagian daripada inisiatif untuk mempromosikan amalan hidup mampan dan kelestarian alam sekitar dalam kalangan penduduk bandar. WK



AHLI kebun Bayview Green Garden menerima Anugerah Kebun Kejiranan Bandar Kuala Lumpur 2023.

Tempahan papan iklan billboard YWP meningkat selepas pandemik

DEEL ANJER

TEMPAHAN billboard yang ditawarkan Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mendapat sambutan baik dalam kalangan pengusaha produk atau perkhidmatan yang mahukan perniagaan mereka berkembang di Wilayah Persekutuan.

Menurut Eksekutif Junior Pembangunan Perniagaan YWP, **Nur Naqiyah Aledoos Syed Husain Aledoos**, perkembangan tersebut amat menggalakkan di mana YWP menerima banyak tempahan daripada pihak baru.

“Alhamdulillah bukan sahaja klien tetap yang setia dengan kami bahkan banyak syarikat baru yang sudi bekerjasama dengan YWP untuk mempromosi produk atau servis mereka,” ujarnya kepada Wilayahku.

Tambahnya lagi, biarpun banyak

syarikat perniagaan di luar sana yang terjejas akibat pandemik COVID-19 namun ia tidak pernah menghalang keinginan mereka untuk membeli iklan di billboard.

“Tidak dinafikan sekarang kita berada di era digital yang mana pengiklanan digital lebih meluas namun ia tidak bermakna iklan billboard terpinggir.

“Ia masih relevan kerana kelebihannya yang tersendiri antaranya memudahkan khalayak untuk mengenali produk yang dipromosikan apatah lagi ia didirikan di tepi jalan atau lokasi tumpuan yang mudah untuk diingati.

Bercerita lanjut tentang tugasnya, Nur Naqiyah berkata dia akan memberi penjelasan mengenai garis panduan yang betul kepada pelanggan yang berminat.

“Misalnya saya akan beri cadangan kawasan mana yang



SHARIFAH (kanan) bersama tim Pembangunan Perniagaan YWP.

sesuai untuk didirikan memandangkan terdapat lokasi tertentu sahaja yang dibenarkan,” katanya.

Terdahulu, YWP adalah antara syarikat yang menawarkan billboard

sekitar Wilayah Persekutuan dan dipertanggungjawabkan menjadi agensi paparan iklan bawah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). WK



Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Baru, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (Wilayahku)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

REALITI KEHIDUPAN

RondaKota

31 MAC - 6 APRIL 2023 . Bil 206

Wilayah Ku



Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran

FRP2023 terus jadi tumpuan pengunjung

BAGI penduduk Putrajaya dan kawasan berhampiran, pasti tidak akan melepaskan peluang mengunjungi bazar Ramadan setiap kali tibanya bulan puasa.

Kemeriahannya tidak dapat disangkal lagi. Menghimpunkan pelbagai juadah, boleh dikatakan ia merupakan lokasi wajib singgah pada bulan tersebut.

Tahun ini, Festival Ramadan Putrajaya 2023 (FRP2023) kembali dengan skala yang lebih besar melibatkan lima lokasi bazar Ramadan dan dua lokasi bazar Aidilfitri yang akan beroperasi sehingga 21 April ini.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





Pusat sehenti juadah dan persiapan raya



FOTO: AMIN FARU HASAN
SABRINA SABRE

DARI MUKA 9

TIDAK dinafikan setiap kali tibanya bulan Ramadan, bazar merupakan salah satu lokasi tumpuan umat Islam untuk mencari juadah berbuka puasa. Menariknya aneka pilihan juadah dijual membuatkan pembeli rambang mata.

Di Putrajaya misalnya, tahun ini Festival Ramadan Putrajaya 2023 (FRP2023) kali ke-11 dijangka menarik kehadiran lebih 500,000 pengunjung. Ini kerana lebih 500 lot niaga pelbagai gerai terus menjadi tumpuan pengunjung.

Menurut Pengarah Bahagian Perlesenan Perbadanan Putrajaya (PPj), **Jeffri Mustapa**, FRP2023 dilaksanakan

bertujuan menjadikan Putrajaya sebagai pusat sehenti jualan juadah berbuka puasa dan barang keperluan hari raya selain menyemarakkan semangat Ramadan dalam kalangan rakyat Malaysia agar bersatu dalam keadaan yang harmoni dan lestari.

"Penganjuran festival ini diharap berupaya menyokong perkembangan serta pemuliharaan ekonomi Putrajaya dan negara selain memberi peluang perniagaan kepada penjaja dan peniaga kecil menambah pendapatan pasca pandemik COVID-19.

"Bertemakan 'Seindah Ramadan, Harmoni Lebaran', penganjuran FRP2023 melibatkan empat komponen utama iaitu Bazar Ramadan, Anjung Syawal, *Kiblat Walk* dan Laman Iftar selain penambahan beberapa elemen

baru sesuai dengan situasi semasa iaitu pandemik ke fasa endemik," ujar beliau ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Jeffri berkata penambahan elemen tersebut dilakukan pada FRP kali ini oleh pihaknya bagi menyahut seruan kerajaan untuk merancakkan kembali ekonomi terutama dalam sektor peruncitan masyarakat Madani.

"Antara elemen baru yang diketetahui adalah lima lokasi Bazar Ramadan Putrajaya iaitu Tapak Bersebelahan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin Presint 3; Tapak Parkir Taman Seri Empangan Presint 5; Tapak



JEFFRI

Parkir Pasar Awam Presint 8; Tapak Berhadapan Depo PPj Presint 9 dan Tapak Pasar Malam Presint 14 selain dua lokasi Bazar Aidilfitri iaitu Anjung Syawal di Dataran Putrajaya dan Bazar Aidilfitri di Presint 14.

"Pada tahun ini kami mewajibkan penggunaan wang digital dalam urus niaga di samping pengenalan kad peniaga yang mengandungi maklumat tapak, jenis jualan, nombor lot tapak dan suntikan tifoid," jelasnya urus niaga tunai masih dibenarkan.

Ujar beliau, pengunjung juga boleh membuat pilihan untuk berbuka puasa dan moreh di Laman Iftar yang

berkonsepkan *outdoor cafe* di Kompleks PPj dan padang berhadapan Kompleks PPj yang juga lokasi ikonik bersantai bersama rakan dan keluarga.

"Bagi komponen Anjung Syawal pula, ia menawarkan lebih 200 penggerai yang menjual barang persiapan raya, persebahan kerohanian serta penampilan selebriti hijrah dan pempengaruh tempatan manakala *Kiblat Walk* pula menempatkan penggerai bagi jualan makanan dan minuman, barang kering, baju dan kuih raya," tambah beliau.

Terdahulu, antara menu yang menjadi tumpuan ramai di Bazar Ramadan Putrajaya adalah nasi Arab, Yong Tau Foo, nasi ambeng, nasi minyak serta aneka kuih-muih.



Selebriti hijrah hangatkan pentas utama

LEBIH menarik, Jeffri memaklumkan pihaknya menyediakan pentas utama FRP2023 yang sarat dengan pengisian kerohanian pada setiap hari bagi mengimarahkan lagi bulan Ramadan kali ini.

"Dengan berkonsepkan tazkirah muzikal, beberapa selebriti hijrah dan pendakwah bakal menghiburkan pengunjung di Pentas Utama FRP2023 antaranya termasuklah Datuk Nash (2 April); Ustazah Datuk Dr Norhafiza Musa (7 April); Ijam Medicine (8 April); PU Amin; Afad Raihan sebagai moderator dan penyanyi (9 April); Asatizah Ustaz Akhil Hay serta Man Raja Lawak (15 April).

"Selain itu, terdapat pelbagai kempen yang akan berlangsung sepanjang FRP2023 termasuklah Kempen Jualan Menu Rahmah; Kempen Menggunakan Produk Biodegradasi; Kempen Elakkan Pembaziran Makanan; Kempen Pengurangan Sisa Organik Melalui Pengkomposan; Kempen Pengumpulan Minyak Masak Terpakai serta Kempen Bawa Beg dan Bekas Makanan Sendiri ke bazar Ramadan," ujar beliau pihaknya

juga mengambil pendekatan melakukan pengagihan sebanyak 1,200 bubur lambuk dan kurma kepada pengunjung pada setiap hari Jumaat sepanjang bulan Ramadan ini.

Tambah beliau, pihak PPj sentiasa cakna dengan pentingnya pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar bagi menjadikan Putrajaya sebagai bandar hijau dalam menerapkan nilai-nilai murni dalam kalangan masyarakat.

Dalam pada itu, Jeffri turut mengajak semua pengunjung untuk datang beramai-ramai bagi memeriahkan FRP2023 dengan membeli-belah jualan barang Aidilfitri serta berbelanja pelbagai juadah berbuka puasa menarik di Bazar Ramadan Putrajaya.

"Kami percaya dengan sokongan para pelanggan akan membantu merancakkan ekonomi pasca pandemik, di samping membantu lebih 700 penjaja dan peniaga kecil untuk menambah pendapatan mereka," ujar beliau yang juga berharap pelaksanaan sistem urus niaga tanpa tunai di bazar Ramadan dapat memudahkan urusan orang awam.

Lamb shank Chef Ammar

Tarikan utama di Bazar Putrajaya



DIANA AMIR

MENERIMA sambutan yang luar biasa ketika membuka gerai jualan *lamb shank* di Bazar Ramadan Shah Alam sejak dua tahun lalu kini **Chef Ammar** atau nama sebenarnya Ammar Al-Ali menggegarkan tapak Bazar Ramadan Putrajaya, Presint 3 pula.

Ujarnya, pertukaran lokasi dilakukan kerana mahu tular di Putrajaya selepas Subang Jaya dan Shah Alam.

"Ia juga bagi memenuhi permintaan warga Putrajaya yang mahu *lamb shank* Chef Ammar dibuka di sini. Dengan pembukaan kami di Putrajaya, orang ramai tidak perlu bersesak di Shah Alam atau Subang Jaya lagi.

"Tahun ini juga kita sudah memasuki tahun keenam *viral* dan lebih bersedia dari segi mental serta fizikal," katanya ketika ditemui *Wilayahku* di Bazar Ramadan Putrajaya baru-baru ini.

Berkongsi mengenai menu yang ditawarkan, Chef Ammar berkata pihaknya amat mementingkan kualiti berbanding kuantiti.

"Saya tak suka untuk letak kuantiti yang banyak sebagai contoh menyediakan 100 jenis lauk-pauk. Oleh itu, pada Ramadan ini menu saya ringkas iaitu *lamb shank*, rose ayam khabsa serta *lamb shoulder*," ujarnya yang menerima sambutan luar biasa pada hari pertama pembukaannya selain pembeli berbaris panjang meskipun hujan lebat.

Mengulas mengenai harga yang diletakkan, gerai yang dibuka bermula pukul 12 tengah hari ini menawarkan harga mampu milik buat semua lapisan masyarakat bermula RM25 sehingga RM57.

"Ramai yang mengatakan harga ditawarkan adalah kayangan namun apa yang saya boleh cakap bahan

digunakan adalah berkualiti serta premium seperti sultana, minyak sapi, badam, saffron dan banyak lagi. Pelbagai ramuan istimewa diletakkan di mana apabila pembeli makan mereka akan menikmatinya.

"Ada juga yang cakap bahawa *lamb shank* Chef Ammar ini *overrated* dan sebagainya tetapi sekiranya daripada 100 orang pembeli 60 daripadanya berpuas hati maknanya saya masih berjaya dan kebanyakannya akan datang sekali lagi," katanya.

Tambahnya, antara kelainan pada tahun ini pihaknya ada menawarkan kongsi sama bersama penjual lain bagi menjual nasi Arab miliknya.

"Konsepnya seperti di *GrabFood* sekiranya orang tidak boleh sampai ke kita, pihak kami akan sampai kepada mereka. Di bazar ini kita kongsi rezeki dengan lima orang Melayu. Ada orang tidak mampu berniaga jadi mereka datang dan beritahu mahu jual makanan saya. Kita cakap tidak mengapa saya boleh tolong," jelasnya.

Dalam pada itu, Chef Ammar yang terkenal dengan *tagline* 'masak dengan iman' itu turut mengajak warga Putrajaya untuk mengunjungi gerainya di Bazar Ramadan Putrajaya, Presint 3 yang terletak bersebelahan Masjid Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Warga Putrajaya serta orang ramai dijemput datang untuk menikmati *lamb shank* Chef Ammar pada Ramadan kali ini, anda tidak lagi perlu bersesak di Shah Alam kerana kita sudah membuka 'jalan tengah' buat penduduk di Sepang, Cyberjaya, Nilai dan sekitarnya untuk turut bersama membeli serta menikmati nasi Arab kami.

"Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Perbadanan Putrajaya kerana telah memberi ruang serta peluang untuk membuka gerai di sini dan tunjuk apa yang kita boleh beri kepada warga Putrajaya dan sekitarnya," katanya. **WK**





MENTERI Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub (belakang, tengah) bergambar selepas menyempurnakan Pelancaran Bazar Ramadan Rahmah (BRR) Peringkat Kebangsaan di Bazar Ramadan Rahmah, Presint 14. Turut hadir Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk TPr Fadlun Mak Ujud. Foto: FARIS AZMI / PPj



KETUA Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Rosida Jaafar mengadakan lawatan turun padang bagi meninjau keadaan semasa cerun yang terlibat dengan kejadian tanah runtuh pada Disember 2021 di Jalan Palimbayan, Kampung Sungai Penchala dan Segambut. Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah JWP (Pengurusan & Sosio Ekonomi), Datuk Parang Abai @ Thomas.



Hanya 40 peratus penduduk strata kos rendah lunas caj penyelenggaraan



MENGURUSKAN lebih 333 perumahan berstrata yang terdiri dari perumahan kos rendah, sederhana rendah dan mewah di seluruh bandar raya Kuala Lumpur merupakan cabaran besar yang perlu dipikul oleh sekumpulan Pesuruhjaya Bangunan (COB) Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) serta Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Isu penyelenggaran, pembersihan kutipan caj penyelenggaraan yang rendah merupakan antara masalah yang perlu ditangani secara holistik oleh pihak COB Kuala Lumpur selain mereka juga perlu mewujudkan

situasi menang-menang di antara penduduk dengan jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Jawatankuasa Pengurusan (MC) yang menguruskan skim strata masing-masing.

Ikuti keterangan Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta DBKL, **SR MOHD HELMI MOHD SANY** yang memimpin pasukan COB demi memastikan komuniti berstrata dapat hidup lebih selesa di bandar raya Kuala Lumpur selari dengan hasrat kerajaan kepada Wartawan Kanan *Wilayahku*, **AZLAN ZAMBRY** dan Jurufoto, **AMINULLAH FARIJ HASSAN** di pejabatnya baru-baru ini.

WILAYAHKU: Boleh tuan terangkan bagaimana pengurusan rumah bertingkat yang sedia maklum menghadapi pelbagai masalah terutama di sekitar Kuala Lumpur?

MOHD HELMI: Masalah strata ini boleh dilihat daripada dua aspek pertamanya pengeluaran strata ia mestilah bangunan berstrata mesti ada hak milik strata, jadi ada bangunan yang lambat ataupun gagal keluarkan strata kerana ia perlu dipohon oleh pemaju atau pemilik tanah. Individu yang membeli unit-unit strata dia tidak mohon sendiri dan kadangkala dibuat pemaju dan ada yang bankrap atau terbiar.

Aspek kedua adalah pengurusan, masalah utama bangunan ini adalah daripada segi pengurusan dan penyelenggaraan. Mereka hadapi masalah tidak cukup dana dan kebanyakannya penduduk terutamanya adalah kos rendah dan sederhana rendah dan di Kuala Lumpur terdapat 333 skim perumahan kos rendah serta sederhana rendah yang mana jumlahnya lebih banyak dan ia dimiliki oleh golongan berpendapatan rendah (B40).

Melihat kepada situasi itu, ramai dalam kalangan pemilik petak tidak mampu ataupun sesetengahnya memang mengabaikan bayaran yuran penyelenggaraan. Jadi jumlah kutipan itu sangat kecil dan jika dilihat daripada kajian, hanya sekitar 30 hingga 40 peratus sahaja jumlah

penduduk yang membuat bayaran dan ia tidak mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan.

Apabila hanya sejumlah kecil yang melunaskan bayaran penyelenggaraan setiap bulan, adakah ia menjelaskan sesebuah kawasan perumahan tersebut?

Dari sudut pembersihan, ia masih lagi boleh dilakukan dengan kadar yang sederhana tetapi untuk kerja-kerja penyelenggaraan khususnya lif, ia membutuhkan kos yang sangat tinggi dan sekiranya ramai yang tidak bayar, pastinya penyelenggaraan akan terganggu.

Selain itu, masalah vandalisme di kawasan perumahan kos rendah sangat tinggi dan jika kita lihat karakter penduduk sendiri, mereka tidak menghargai kemudahan yang ada ia termasuklah merosakkan butang di dalam lif, malah ada yang membawa naik motosikal dan basikal ke dalam lif sehingga terpaksa menahan pintu untuk tempoh jangka masa tertentu. Perbuatan itu menyebabkan deria (sensor) lif itu terganggu kerana ia sangat sensitif.

Keduanya, kalau pangaspuri begini, ada yang lif terus digunakan sehingga 15 tahun dan tidak berganti kerana

pihak JMB tidak mempunyai dana yang mencukupi untuk mengantikannya. Malah kita juga pernah jumpa sikap tidak bertanggungjawab termasuklah sengaja buang air kecil di dalam lif dan ada rembesan air yang bertakung yang mana boleh menyebabkan kerosakan terhadap komponen elektrikal dan mekanikal. Jadi ini antara masalah yang perlu dipikul oleh pihak JMB.

Kebanyakan masalah yang dinyatakan itu sering berlaku di kawasan perumahan kos rendah termasuk di bawah kendalian DBKL dan swasta, apakah cabaran utama COB Kuala Lumpur dalam menangani masalah ini kerana walaupun ia

perumahan swasta, namun dirujuk kepada DBKL?

DBKL dalam hal pengurusan ini di bawah COB Kuala Lumpur dan kuasa mereka hanya termaktub di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]. Fungsi COB adalah memberikan khidmat nasihat kepada pihak JMB dan MC mengenai pengurusan harian, termasuklah dalam perkara (*do's and don'ts*) dan apa yang patut dan sewajarnya dilaksanakan mengikut akta yang telah ditetapkan.

Jadi berbalik kepada masalah,

sudah pasti mempunyai aduan yang banyak dan kami akan menasihatkan JMB dan MC bagaimana untuk menyelesaikan dan mengatasi masalah tersebut. Jadi tadi saya ada sebut, masalah besar adalah penyelenggaraan dan masalah tunggakan. Dalam hal ini, COB bukanlah pihak yang bertanggungjawab untuk membaiki kerosakan tersebut dan COB juga bukan pihak yang akan menyelesaikan masalah tunggakan dengan pihak penduduk.

Adakah pihak COB mempunyai kuasa-kuasa pendakwaan untuk mengheret mana-mana pihak yang culas dalam menjalankan tanggungjawab?

Ada bahagian-bahagian yang memperuntukkan kuasa untuk tujuan itu. Tetapi kami lebih memilih kepada kaedah di mana penduduk sendiri sekiranya tidak berpuas hati walaupun telah dinasihati tetapi tidak mahu bertolak ansur dan masih



MOHD HELMI



hendak ambil tindakan kepada pihak tertentu, dengan mengesyorkan kepada mereka untuk memilih dua medium iaitu menggunakan Tribunal Pengurusan Strata di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) atau kaedah kedua, membuat dakwaan di mahkamah. Ini adalah kaedah untuk mereka mendapatkan keputusan.

COB lebih kepada menasihat sahaja, kerana kesalahan di bawah akta boleh menyebabkan orang-orang ini boleh didenda maksimum RM250,000 atau dipenjara sehingga tiga tahun jika disabitkan kesalahan mengikut jenis kesalahan. Yang boleh menentukan hukuman sama ada ringan atau berat hanyalah hakim sahaja.

Ramai penduduk yang culas membuat bayaran caj penyelenggaraan kepada JMB dan MC, adakah pihak COB boleh heret penduduk yang cuai bayar yuran penyelenggaraan untuk diambil tindakan?

Secara asasnya, pihak JMB yang diberi kuasa untuk mengutip yuran penyelenggaraan dan pengurusan berkenaan kerana jika tunggakan, penduduk sendiri yang terjejas. Mereka tidak bayar kepada COB. Jadi kaedahnya di dalam akta, bukan COB yang perlu ambil tindakan untuk *default* itu, jadi dalam akta, kalau ada tunggakan, pihak JMB dan MC mesti memberikan notis pemakluman mengenai tunggakan untuk dijelaskan mungkin dua atau tiga minggu, jika penama tidak membayar juga, ada langkah seterusnya iaitu penytiahan harta penduduk oleh JMB atau MC itu sendiri.

Selepas itu jika tunggakan itu tidak dilunaskan, ia akan dirujuk ke Tribunal Pengurusan Strata sehingga kes berkenaan didaftarkan di mahkamah.

Berapa banyak tunggakan daripada penduduk yang telah direkodkan oleh pihak JPPH?

Jumlah tunggakan di antara skim strata ini berbeza-beza kerana di Kuala Lumpur ini ada perumahan kos rendah, sederhana rendah dan perumahan mewah yang dikenali sebagai kondominium.

Ambil contoh yang diterima, kami mendapat ada kes yang mempunyai tunggakan lebih dari RM1 juta melibatkan perumahan kos rendah dengan melibatkan bayaran

penyelenggaraan hanya RM35 sebulan sahaja tetapi tidak dibayar bertahun-tahun.

Setakat ini caj penyelenggaraan yang dikenakan untuk perumahan kos rendah adalah di antara RM35 hingga RM45 sahaja. Namun jika ditanya kesanggupan sebenar hanya sekitar RM20 sahaja.

Berdasarkan kepada situasi tersebut dan jika ada masalah seperti kerosakan lif atau bumbung bocor dan sebagainya, bagaimana hendak selesaikan masalah tersebut?

Jika JMB di kawasan perumahan itu menghadapi masalah kewangan yang kritikal, mereka perlu menyerahkan pengurusan kepada COB di bawah Seksyen 86, COB mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan dan ejen itu terdiri daripada syarikat pengurusan harta berdaftar dengan Lembaga Penilai dan Pentaksir Malaysia.

Jadi ejen ini akan ambil alih dan mereka akan mengurus dan berfungsi sebagai JMB atau MC. Kebiasaannya mereka dilantik untuk tempoh tiga tahun. Tetapi bayaran untuk ejen mengendali dan menguruskan kawasan

itu adalah dari caj penyelenggaraan.

Seringkali pihak berkuasa diminta membantu skim strata yang menghadapi sekatan utiliti, bagaimanakah COB mengendalikan masalah ini?

Tugas menyelesaikan masalah bil utiliti yang tertinggak adalah dibawah JMB dan MC yang dilantik kerana mereka yang mengutip yuran atau caj penyelenggaraan. Tetapi memang menjadi tugas COB untuk membantu dalam bentuk memberi panduan bagi menyelesaikan sesuatu masalah yang timbul. Kadangkala COB menjadi orang tengah untuk menghubungkan JMB dan MC dengan TNB atau Syarikat Air Selangor.

Selalunya apabila bil daripada Syarikat Air Selangor terlalu tinggi, tunggakan mereka akan dilakukan sekatan. Begitu juga dengan TNB juga yang memberikan kaedah bayaran secara ansuran. Tetapi selain daripada itu, pihak DBKL atau COB tidak boleh mengeluarkan duit untuk membantu membayar bil tertinggak dan tiada peruntukan bagi tujuan tersebut.

Secara keseluruhan, adakah

pihak DBKL berpuas hati dengan prestasi JMB/MC dalam memberikan perkhidmatan kepada penduduk?

Sebenarnya JMB/MC contoh yang bagus adalah di kawasan perumahan mewah seperti kondominium. Di situ organisasi MC agak *solid* dan AJKnya mempunyai pengetahuan dan pengalaman serta mereka juga memahami undang-undang. Jadi cara pengurusan mereka juga baik dan kami jarang mendengar rungutan mengenai masalah lif rosak sehingga tempoh tiga atau empat bulan. Jika adapun ia mungkin ada masalah infrastruktur seperti cerun di lereng bukit terhakis kerana situasi perubahan iklim akhir-akhir ini.

Apakah ada sebarang kemajuan dalam menggantikan meter pukal kepada meter individu di seluruh skim strata kos rendah?

Kesejahteraan Bandar (JPKKB) DBKL. Walaupun ia diuruskan oleh DBKL, sebahagian besar turut terdapat unit yang dijual. Apabila ada unit yang dijual, ia ada strata dan lambat-laun mereka juga perlu menubuhkan JMB dan MC. Pada masa hadapan, semua perumahan ini akan mempunyai MC untuk menguruskan kawasan tersebut dan ketika ini adalah proses peralihan.

Separit yang dimaklumkan, terdapat 333 kawasan strata perumahan kos rendah di seluruh Kuala Lumpur, adakah ia melibatkan juga Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA)?

PPR dan PA tidak terlibat dengan COB dan ia di bawah pentadbiran Jabatan Pembangunan Komuniti dan

Sistem perpaipan perlu dibuat baharu seterusnya menggantikan meter yang baharu. Kos untuk satu unit kebiasaannya melebihi RM1,000 dan pemilik unit perlu menanggungnya sendiri. **WK**



Artis berhijab berparti, lari dari rumah dengan lelaki



DEEL ANJER

BULAN puasa ni, *Wilayahku* sebenarnya mahu banyakkan ibadat, tapi apabila dengar kisah pelik-pelik ni, mengucap panjang jugalah.

Terkejut juga apabila lihat video seorang pelakon berhijab yang sanggup buka tudung dan berparti bersama kawan-kawan. Sudahlah bulan Ramadan pula tu.

Kalau semua perempuan tak adalah kisah sangat. Ini pula berparti, terkinja-



kinja dengan lelaki bukan mahram pula. Dah macam kelab malam.

Paling mengejutkan, siap ada lelaki dukung pelakon kecil molek tu. Nampak seronok betul dia kena dukung.

Dengarnya, salah seorang lelaki dalam video tersebut adalah kekasihnya, tapi tak tahu lah yang mana satu sebab ada beberapa orang lelaki.

Tup-tup sekarang ini *Wilayahku* dengar pelakon popular ini lari dari rumah bersama kawan-kawan lelakinya. Katanya memberontak sebab tak bebas untuk lakukan apa yang dia suka.



Macam inilah. Berhijab itu wajib, janganlah suka-suka buka tutup. Jagalah batas-batas yang telah digariskan agama Islam. Agama juga

tidak mengongkong. Pokok pangkalnya, berhijab atau tidak, perangai sendiri yang menentukan seseorang itu bahagia atau tidak.

Semoga pelakon wanita ini kembali sedar dan kembali ke pangkuhan keluarga. Selagi belum berkahwin, anda adalah hak keluarga.

Shiha Zikir kini tauke nasi ayam

SELEBRITI serba boleh **Shiha Zikir** mengaku langkahnya menceburii bidang perniagaan bukanlah sesuatu yang mudah dalam keadaan ekonomi yang kurang stabil.

Namun, Shiha tidak menganggap itu sesuatu yang mustahil jika disusuli dengan kesungguhan.

Mahu terus melangkah, baru-baru ini penyanyi lagu Irama dan AEWO ini membuka restoran nasi ayam yang diberi nama Shiha Zikir Nasi Ayam.

"Inspirasi saya untuk menceburii dunia perniagaan ini berputik apabila sering membantu ibu bermiaga makanaan di Pulau Pinang suatu ketika dahulu.

"Melihat kesungguhan ibu serta berbekalkan sedikit pengalaman, saya yakin keputusan untuk menceburii diri dalam bidang makanan dan minuman ini adalah jalan yang tepat.

"Apatah lagi saya merupakan peminat nasi ayam Hainan. Dalam seminggu, lebih empat kali saya akan menikmati keenakan nasi ayam dan sebab itu Shiha yakin dengan perniagaan nasi ayam ini," kata pemenang Persembahan Terbaik Anugerah Juara Lagu 37 berkenaan.

Restoran Shiha Zikir Nasi Ayam yang mula beroperasi minggu lalu di Wisma Infinitum, Kampung Baru



SHIHA ZIKIR



Wali Band, Jamrud bakal 'gegar' KL



WALI BAND

KUMPULAN dari Indonesia, Wali Band bakal menghangatkan pentas dengan himpunan lagu popular mereka dalam rangka persembahan Dream Festival Collaboration Vol. 2 pada 20 Mei depan.

Pengarah Projek DreamFestWorld, **Rama Ananda Ambri** berkata Dream Festival bermula di Jakarta, Indonesia, tahun lalu sebagai memenuhi impian pemuzik untuk meraikan kebebasan dalam berekspresi selepas aktiviti seni tertunda gara-gara pandemik COVID-19.

"Sehingga kini, siri Dream Festival sudah dipentaskan sebanyak 11 kali di Indonesia menampilkan persembahan daripada nama terkenal seperti Rossa, Afgan, Lyodra, Nidji, D'masiv, The Changcuters, Rizky Febian, Kahitna dan Project Pop.

"Kejayaan yang dilakar menerusi siri persembahan di kota besar seperti Jakarta dan Bandung memberi kami inspirasi untuk turut menyapa peminat muzik di Malaysia.

"Justeru, kami membawakan Dream Festival ke Kuala Lumpur dengan mengangkat tema kolaborasi yang menyaksikan kehebatan gandingan nama popular dan berpotensi besar dari dua negara beraksi di atas satu pentas," katanya.

Rama Ananda atau mesra disapa Anda berkata pemilihan Wali Band sangat bertepatan susulan kejayaan persembahan mereka di Singapura, baru-baru ini yang mendapat sambutan luar biasa.

Wali Band yang sebelum ini dikenali sebagai Fiera dianggotai empat tonggak utama iaitu Farhan Zainal Muttaqin atau Faank (vokalis), Aan Kurnia (Apoy/gitaris), Ihsan Bustomi (Tomi/dram) dan Hamzah Shopi (Ovie /keyboard).

Kumpulan yang memperjuangkan muzik Pop Melayu ini terlebih dahulu beraksi di The

Star Theatre, The Star Performing Arts Centre, Singapura menerusi konsert Wali Cari Jodoh Live In Singapore, 25 Februari lalu.

Memulakan karier seni pada 1999, populariti Wali Band membawa mereka mengembala ke rantau Asia, termasuk Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong untuk mengetengahkan muzik mereka.

Berkongsi lanjut, Ananda berkata selepas Wali Band, siri Dream Festival Collaboration akan terus disemarakkan dengan kemunculan beberapa nama besar lain seperti band rock tersohor Indonesia, Jamrud yang bakal beraksi di lokasi sama pada 23 Jun 2023, disusuli penyanyi wanita unggul, Rossa dan beberapa nama popular lain yang bakal diumumkan kelak.

"Ini adalah masa terbaik untuk pencinta muzik meraikan karya hebat pemuzik serantau. Kami berharap inisiatif yang digerakkan dapat meninggalkan memori indah, sekali gus memberikan apresiasi terhadap usaha pengkarya seni kedua-dua negara menerusi perkongsian idea dan persembahan," katanya.

Tiket untuk menyaksikan persembahan Wali Band dan Jamrud boleh ditempah serentak menerusi laman: ticket2u.com.my bermula 22 Mac 2023, pulak 11 pagi.

Untuk Wali Band, tiket dijual pada harga RM198 (Festival), RM298 (Kategori 2), RM358 (Kategori 1) dan RM5,088 (VIP Box), manakala Jamrud, tiket dijual bermula RM138 (Festival), RM199 (Kategori 2) dan RM258 (Kategori 1).

Layari laman [@dreamfestworld](https://Instagram @dreamfestworld) dan ikuti beberapa langkah untuk mendaftar sebagai ahli kelab Dreamers bagi mendapatkan pelbagai promosi menarik serta perkembangan terkini acara anjuran DreamFest di Malaysia serta Indonesia. **WK**

Jangan pandang remeh penjagaan gigi si kecil

RAMAI yang beranggapan kesihatan gigi yang baik bermaksud memiliki gigi putih dengan senyuman yang cantik tetapi sebenarnya lebih daripada itu. Malah, penjagaan gigi yang baik hendaklah bermula sejak bayi lagi.

Sayang sekali ramai tidak dapat melihat kepentingannya dan bagaimana penjagaan kesihatan mulut yang tidak rapi boleh memberi kesan yang meluas dalam kehidupan.

Apatah lagi apabila gigi berlubang dikatakan tidak berbahaya kepada kanak-kanak, sedangkan kajian mendapati kanak-kanak yang giginya berlubang pada seawal usia tiga tahun berkemungkinan mendapatnya tiga kali ganda apabila dewasa.

Kajian Kesihatan Pergigian Kebangsaan Kanak-kanak Prasekolah (NOHPS) melaporkan terdapat 71.3 peratus kanak-kanak berusia lima tahun sudah mempunyai gigi berlubang.

Menurut Pakar Pergigian Kanak-Kanak, Dr Yugeswari Sivapragasam, ibu bapa perlu memulakan penjagaan gigi anak sejak dari lahir lagi biarpun ketika itu giginya belum tumbuh lagi.

"Biarpun gigi bayi hanya akan tumbuh berbulan-bulan lagi namun gusi bayi masih perlu dibersihkan sekurang-kurangnya dua kali sehari. Rutin ini membantu menetapkan asas kepada amalan penjagaan harian dan kesihatan mulut kanak-kanak itu seumur hidupnya.

"Katakan 'tidak' kepada tambahan garam dan gula (tunggu dahulu) apabila kanak-kanak membesar dan gigi mereka tumbuh, adalah satu kebiasaan mereka diperkenalkan kepada makanan baru mengikut perkembangan diet dan keperluan nutrisi mereka yang berubah-ubah.

"Namun begitu, adalah penting untuk memperkenalkan makanan baru secara beransur-ansur dan berhati-hati," ujar beliau yang juga merupakan Pensyarah Kanan Fakulti



KEPENTINGAN menjaga gigi dan kesihatan mulut bermula dari awal usia kanak-kanak dapat mengelak daripada kerrosakan gigi. - Gambar Hiasan

Pergigian Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU).

Tambah beliau lagi, jadikan temu janji pergigian sesuatu yang menyeronokkan dan berkala.

"Sering kali kita mendengar orang dewasa tidak suka berjumpa doktor gigi dan kebarangkalian ini berlaku kerana pengalaman yang negatif. Namun begitu, ibu bapa perlulah mengetepikan ketakutan peribadi dan membantu anak mereka mendapat pengalaman positif semasa temu janji pergigian.

"Jadikan temu janji itu menyeronokkan dan berkala. Pemeriksaan gigi pertama adalah pada hari jadi pertama. Selepas itu, disarankan pemeriksaan sekali setiap enam bulan.

"Agak mustahil bagi kanak-kanak semuda itu untuk mendapat masalah pergigian, tetapi rutin ini akan membantu mereka menikmati pengalaman positif dan tidak mengaitkan temu janji doktor gigi dengan kesakitan dan ketakutan.

"Temu janji berkala dapat membantu membiasakan mereka dengan doktor gigi dan pencegahan

jangka panjang. Idea di sebalik temu janji awal ini adalah supaya masalah dapat dikesan lebih awal dan dapat dicegah daripada memburuk," jelas Yugeswari lagi.

PEKA KEPADA PERUBAHAN SIKAP

ADA masanya kanak-kanak tidak mahu makan sesetengah makanan atau enggan menggosok gigi. Walaupun sikap begitu dapat dijelaskan dengan mudah sebagai kanak-kanak yang memilih dan cerewet tetapi ada kemungkinan juga ada sebab-sebab lain.

"Kanak-kanak yang giginya berlubang atau sakit gusi mungkin mengalami ketidaksesuaian atau kesakitan kronik yang menyebabkan mereka tidak mahu makan kerana perlu mengunyah.

"Dengan tanpa sengaja mereka akan mengelak daripada makan makanan dalam bentuk biji atau ketul seperti buah epal atau ayam. Sebaliknya, mereka memilih makanan lembut yang kebanyakannya adalah makanan diproses tinggi kandungan

garam, gula dan berlemak.

"Untuk jangka masa panjang, ini akan membawa kepada kekurangan gizi pemakanan atau keadaan kronik yang menjadikan kesihatan mereka sehingga dewasa," ujar beliau.

Tambah beliau, kesakitan berpanjangan boleh menyebabkan mereka meragam atau menjadikan keupayaan untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran di prasekolah.

"Selain itu, kesihatan mulut yang buruk boleh menjadikan keyakinan diri jika mereka diusik kerana gigi berwarna kuning atau mereput. Mereka akan mengelak daripada terlibat dalam aktiviti bersosial atau lebih suka bersendiri.

"Ibu bapa perlu lebih peka dan memantau jika anak mereka mempunyai masalah gigi sekiranya anak mereka tiba-tiba sahaja tidak mahu mengunyah atau meragam tanpa sebarang sebab yang munasabah.

"Berlainan usia, maka keperluan kesihatan mulut pun berbeza. Oleh itu ibu bapa boleh membantu menyokong kesihatan mulut

anak berdasarkan tahap-tahap tumbesaran mereka. Perhatikan sebarang petanda jelas seperti gusi berdarah, ulser atau perubahan warna gigi.

"Ramai yang salah faham bahawa gigi susu itu tidak penting kerana ia akan luruh juga satu hari nanti namun tabiat menjaga kesihatan mulut dan gigi yang baik seumur hidup itu bermula dari kanak-kanak," kata beliau.

INFO

Selepas lahir, sebelum gigi bayi tumbuh

GUNAKAN kain bersih dan lembap yang dililitkan pada hujung jari untuk mengelap lembut gusi bayi pada waktu pagi dan malam.

Selepas tumbuh gigi pertama

GUNAKAN berus gigi mesra bayi bersama ubat gigi berflorida untuk memberus gigi dan gusi anak dengan perlahan. Lakukan sekurang-kurangnya dua kali sehari sebagai satu rutin.

Memasuki umur prasekolah

PADA usia ini, kanak-kanak sudah pandai memegang berus gigi sendiri tetapi memerlukan bimbingan ibu bapa supaya mereka boleh memberus gigi dengan betul dan bersih.

Memasuki usia persekolahan (sekolah rendah)

PADA masa ini, kanak-kanak sepertutnya sudah pandai memberus gigi sendiri dengan pemantauan ibu bapa.

IKLANKAN PERNIAGAAN ANDA BERSAMA

wilayah Ku

KADAR HARGA IKLAN [AKHBAR]



FULL PAGE
RM7,500



HALF PAGE
RM5,500



QUARTER PAGE
RM4,500



PANEL PAGE [INNER]
RM4,500

KADAR HARGA IKLAN [PORTAL ONLINE]

FRONT BANNER 1080px X 96px RM2,500
MIDDLE BANNER 1080px X 280px RM2,000
MEDIUM RECTANGULAR 350px X 280px RM1,500
HALF PAGE 350px X 500px RM1,000

50,000 naskhah akhbar WILAYAHKU diedarkan secara PERCUMA setiap minggu di lebih 500 lokasi strategik seperti di stesen komuter/MRT/LRT, hotel, pasar raya, pejabat-pejabat kerajaan dan lain-lain di seluruh Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

BERMINAT?

Untuk khidmat rundingan pengiklanan sila hubungi:

016-658 6278 (ROSLY HANAFI)
Operasi & Pemasaran

03-8861 5260 (PEJABAT)

Alamat:
YWP MEDIA SDN BHD (1304797 - X)
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah,
Presint 2, 62100 Putrajaya

5 sektor bantu transformasi bandar raya neutral karbon menjelang 2050



HAZIRAH HALIM

PELAN Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah mengenal pasti Pusat Pertumbuhan Neutral Karbon (PPNK) Wangsa Maju yang meliputi kawasan seluas 2,649.20 ekar dan bertempat di bahagian utara zon strategik adalah sebagai pusat pertumbuhan utama.

PPNK Wangsa Maju akan berperanan sebagai pusat perintis yang penting dalam menerajui lima zon strategik yang lain di Kuala Lumpur termasuk bandar raya Malaysia lain untuk beralih secara progresif kepada neutral karbon menjelang 2050.

Melalui pelan ini, lima sektor merangkumi 20 inisiatif iaitu tenaga (tiga inisiatif), pengangkutan (tiga inisiatif), sisa (tiga inisiatif), kawasan hijau dan kawasan lapang (empat inisiatif) serta komuniti (tujuh inisiatif) yang dicadangkan untuk menerajui zon ke arah neutral karbon menjelang 2050 telah dikenal pasti dan ditetapkan.

TENAGA

DALAM konteks neutral karbon, usaha mengurangkan intensiti karbon baki pembekalan tenaga melalui peralihan yang signifikan kepada tenaga bersih dan boleh diperbaharui adalah penting.

Gabungan projek tenaga boleh diperbaharui dan penambahbaikan kecekapan tenaga ini dianggap penting bagi mengeluarkan pertumbuhan masa hadapan Wangsa Maju daripada masalah pelepasan karbon yang meningkat.

Justeru, terdapat tiga inisiatif yang dicadangkan dalam sektor tenaga ini iaitu pemasangan solar pada infrasktruktur merangkumi dua pelaksanaan iaitu pemasangan solar di atas bumbung parkir kereta dan bangunan serta sistem semburan kabus (*mist walk*) pada laluan pejalan kaki, memasang sistem solar terapung di atas permukaan air dan melaksanakan sistem penyejukan daerah di beberapa kawasan yang dikenal pasti.

SISA

SISA boleh mengandakan impak negatif terhadap iklim tempatan. Sebagai contoh, dengan keadaan saluran perparitan yang tersumbat boleh menyebabkan berlakunya banjir. Oleh itu, pengurusan sisa yang mampan dan holistik adalah dimensi utama dalam kemajuan ke arah neutral karbon.

Berdasarkan Laporan Pelan Tindakan Kuala Lumpur 2040,



PPNK Wangsa Maju akan berperanan sebagai pusat perintis yang penting dalam menerajui lima zon strategik yang lain di Kuala Lumpur termasuk bandar raya Malaysia lain untuk beralih secara progresif kepada neutral karbon menjelang 2050.

sisa pepejal merekodkan catatan masih ditahap tinggi di Kuala Lumpur iaitu 1,800 tan sehari termasuk di kawasan Wangsa Maju. Terdapat tiga inisiatif yang dicadangkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi mengatasi permasalahan sisa ini iaitu memperkenalkan *Anaerobic Digester*, membangunkan loji pengkomposan sisa dan menyediakan titik kitar semula sisa.

Menerusi inisiatif ini, diharap sasaran jangka pendek dan jangka panjang untuk mencapai neutral karbon menjelang 2050 melalui inisiatif yang dinyatakan berjaya dicapai. Namun, inisiatif pengurusan sisa mampan hendaklah dirancang untuk mengurangkan, menggunakan semula dan mengitar semula jumlah sisa.

PENGANGKUTAN

PERGERAKAN dan pengangkutan adalah antara kegiatan utama di bandar raya. Dianggarkan, pengangkutan melibatkan lebih daripada satu pertiga berlakunya pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG) Kuala Lumpur pada tahun 2010 sekali gus ia menjadi peranan penting dalam peralihan bandar raya ke arah neutral karbon menjelang 2050.

Pusat Pertumbuhan Wangsa Maju menyediakan peluang terbaik untuk memulakan projek rintis pengangkutan neutral karbon di Kuala Lumpur. Terdapat tiga inisiatif yang dicadangkan bagi mengurangkan pencemaran karbon di negara antaranya menambah baik rangkaian pejalan kaki dan berbasikal, menambah baik pengangkutan awam seperti bas Rapid, GoKL, MRT dan sebagainya di samping memberi peluang untuk

lebih banyak perniagaan dengan meningkatkan kualiti ruang awam dan ruang pekerjaan baharu.

KOMUNITI

RAKYAT boleh memberi impak yang besar kepada persekitaran tetapi rakyat jugalah yang boleh memainkan peranan aktif dalam kejiranahan mereka untuk memacu peralihan iklim kepada neutral karbon serta menambah baik ekonomi dan alam sekitar.

Bagi memastikan misi ini berjaya, rakyat dan masyarakat mestilah mempunyai peranan utama dan berupaya menggunakan sumber yang sesuai untuk memacu peralihan sosioekologi yang sistematis dan berurusani.

Justeru, menerusi sektor komuniti ini, tujuh inisiatif telah dicadangkan untuk membantu Wangsa Maju ke arah bandar raya neutral karbon antaranya membangunkan taman eko, mempromosikan kebun komuniti, memperkenalkan program penjimatkan air dan tenaga komuniti serta mentransformasikan persatuan penduduk sedia ada menjadi komuniti neutral karbon.

Selain itu, sektor ini juga mencadangkan untuk mewujudkan komuniti sifar sisa, memperkuatkan komuniti sekolah melalui usaha tertumpu serta memperkenalkan program cabaran neutral karbon di sekolah.

HIJAU

SISTEM ruang hijau dan biru (air) bandar menjadi rangka kerja ekologi untuk kemampanan alam sekitar dan ekonomi serta kesejahteraan masyarakat. Ia juga bahagian penting dalam strategi pengurusan iklim tempatan kerana pemuliharaan


perhutanan dan habitat adalah antara cara mudah serta berkos rendah untuk sekuestrasi karbon dan pengurusan kualiti udara bandar.

Infrastruktur hijau bandar juga merupakan ukuran utama bagi tindak balas terhadap kesan pulih bandar melalui pendinginan bersejat dan peneduhan untuk mencipta iklim mikro yang lebih sejuk. Dalam hubungan mencapai neutral karbon, kehijauan bandar menawarkan potensi untuk mengimbangkan apa-apa baki pelepasan GHG yang mungkin ada.

Terdapat empat inisiatif yang dicadangkan seperti melindungi taman dan kawasan lapang sedia ada, mewujudkan Taman Bandar Linear di sepanjang sungai dan rizab laluan air, memperkenalkan taman menegak dan taman atas bumbung serta menganjurkan Program 'Pembersihan Sungai'.

Secara jelas, cadangan ini bertujuan mengurangkan kesan rumah hijau di Wangsa Maju serta mengurangkan penggunaan tenaga bangunan dengan mewujudkan iklim mikro dalam persekitaran bandar yang membantu mengawal suhu.

Jelaslah, lima sektor merangkumi 20 inisiatif yang dicadangkan DBKL dapat membantu merealisasikan Kuala Lumpur khususnya kawasan Wangsa Maju ke arah sebuah Bandar Neutral Karbon menjelang 2050. **W.K**



Peniaga jual Menu Rahmah di Bazar Labuan Walk, bantu golongan tidak berkemampuan



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

MEMAHAMI kos sara hidup yang kian meningkat dan kesukaran dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah (B40) di sini, seorang peniaga nasi campur mengambil inisiatif menyajikan Menu Rahmah di Bazar Ramadan Labuan Walk.

Abd Malik Nuga Abdullah, 62, menyifatkan usahanya menjual Menu Rahmah serendah RM5 di bazar itu adalah untuk membantu orang ramai mendapatkan juadah berbuka puasa dengan kadar harga yang murah.

Kata Abd Malik, kewujudan bazar itu memberi peluang kepada mereka untuk mencari rezeki dan menganggap inisiatif yang digerakkan kerajaan itu sangat membantu golongan peniaga



ABD MALIK



ABD Malik tidak menang tangan melayan pengunjung di gerainya.

kecil.

“Alhamdulillah, sambutan terhadap jualan makanan Rahmah mendapat sambutan yang amat baik. Rata-rata pembeli berpuas hati dengan menu yang saya jual ini.

“Ini adalah usaha saya untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan.

Tidak semestinya orang yang datang ke bazar ini mampu berbelanja lebih dan saya harap hidangan Menu Rahmah ini dapat membantu mereka untuk mendapatkan juadah berbuka puasa,” katanya ketika ditemui *Wilayahku* baru-baru ini.

Menurut beliau, meskipun hanya menjual Menu Rahmah dengan harga rendah

namun hasil pendapatannya tidak terjejas meskipun tidak tinggi.

“Untung bermula itu memang ada walaupun tidak banyak yang penting kita dapat berkongsi rezeki dengan orang lain. Insya-Allah, pada hari-hari seterusnya saya akan menambah lagi jenis menu makanan agar para pengunjung dapat membuat pilihan.

“Saya turut berharap pada masa akan datang lebih ramai lagi peniaga melaksanakan inisiatif yang digerakkan oleh kerajaan ini agar dapat membantu masyarakat,” katanya.

Sementara itu, bagi seorang pengunjung, Siti Rashidah Baiyani, 41, menyifatkan jualan Menu Rahmah di gerai Abd Malik itu merupakan sifat yang terpuji kerana kecaknaannya dalam membantu golongan yang tidak berkemampuan.

Jelas Abd Malik merupakan satu-satunya peniaga di bazar ini yang berani menjual makanan Menu Rahmah.



GERAI Abd Malik merupakan satu-satunya yang menjual makanan Menu Rahmah.



PELBAGAI jenis menu disajikan kepada pengunjung dengan harga berpatutan.

“Makanan yang beliau jual amat berkualiti dan sedap, bagi saya memang berbaloiyah untuk beli dengan harga begitu murah.

“Saya sebagai suri rumah am-

at menyokong inisiatif beliau ini untuk membantu mereka yang tidak berkemampuan lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini,” katanya.

WK

KML menang sembilan emas di Simposium Peer Assisted Learning 2023

KONTINJEN Kolej Matrikulasi Labuan (KML), Wilayah Persekutuan Labuan berjaya memenangi sembilan pingat emas dan dua pingat perak di Simposium Peer Assisted Learning (PAL) 2023, Program Matrikulasi, Kali Ketiga yang diadakan di Kolej Matrikulasi Perak, Gopeng, baru-baru ini.

Tujuh pingat emas itu diperolehi menerusi kategori 1, Penyampaian Lisan dan masing-masing merangkul satu emas menerusi kategori 2, Pertandingan Poster dan kategori 3, Video Pelaksanaan Program PAL di Kolej Matrikulasi.

Kolej Matrikulasi Labuan diwakili oleh 20 orang pemimpin

PAL bagi tiga kategori yang dipertandingkan.

Sementara itu, Pengarah Kolej Matrikulasi Labuan, Mohd Mahyuddin Mohd Noordin turut merakamkan penghargaan atas kejayaan pelajar-pelajar yang telah mengharumkan nama KML di peringkat kebangsaan.

Beliau berharap simposium ini dapat memberi manfaat serta menjadi pemangkin kepada kecemerlangan akademik pelajar-pelajar.

Katanya sebanyak 14 buah Kolej Matrikulasi dan tiga buah Kolej MARA telah menyertai Simposium PAL 2023.

“Pelaksanaan Simposium PAL adalah bertujuan memperkasa jaringan kerjasama antara semua

pemimpin PAL seluruh negara dalam Program Matrikulasi.

“Simposium ini juga menjadi landasan bagi pemimpin PAL untuk mengetengahkan bakat dan idea di peringkat yang lebih tinggi,” tambah beliau.

Selain itu, ia menjadi medan yang sesuai bagi pemimpin PAL berkongsi idea dan cara dalam melaksanakan Program PAL di kolej masing-masing.

Timbalan Pengarah Sektor Pembangunan Pelajar Bahagian Matrikulasi, Mohd Kassim Jaafar dan Pengarah Kolej Matrikulasi Perak, Azman Mokhtar turut hadir dan menyampaikan hadiah kepada semua pemenang semasa Majlis Penutupan Simposium PAL 2023. WK



KONTINJEN Kolej Matrikulasi Labuan mengabadikan kenangan bersama Kontinen Kolej Matrikulasi Pulau Pinang.

PERADUAN MEWARNA PM206



NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.


CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM206".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **8 APRIL 2023**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 208.

3 PENYERTAAN TERBAIK PADA
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



TEKA SILANG KATA SK206



MELINTANG

1. Pasukan elit tentera
5. Sanggup
6. Merayakan
8. Tidak perlu bayaran
9. Peluang

KE BAWAH

1. Kuih untuk berbuka puasa
2. Hidup miskin/sengsara
3. Cahaya
4. Seni lipatan kertas
7. Gelaran wanita berkahwin

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK206".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **8 APRIL 2023**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 208.

3 PENYERTAAN TEPAT & TERAWAL
SETIAP MINGGU AKAN MENERIMA
CENDERAHATI ISTIMEWA DARIPADA
YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN



KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 204

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM204:

IZHAN MUZAFFAR MOHD DARUS
(12 tahun)
Nilai, Negeri Sembilan

NUR NIA KHADIJA ISMAIL
(9 tahun)
Shah Alam, Selangor

MUHAMMAD RAYYAN ABDUL HADI
(11 tahun)
Keramat Permai, Kuala Lumpur




Karya Adik Izhan Muzaffar

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Teka Silang Kata SK204:

YUNUS ABDUL RAHMAN
(52 tahun)
Presint 11, Putrajaya

SITI HASHIMAH HASHIM
(46 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

MUSTAFA KAMAL MOHD ISHAK
(47 tahun)
Desa Tun Razak, Kuala Lumpur





Sajian Khazanah Desa di Pullman Kuala Lumpur imbau kenangan dahulu kala



DEEL ANJER

ISTIMEWA sempena bulan Ramadan tahun ini, Hotel Pullman Kuala Lumpur, Bangsar menawarkan menu bertemakan Sajian Khazanah Desa bermula 27 Mac sehingga 21 April 2023.

Chef De Cuisine Pullman, **Cef Borhan Senin**, 50, berkata hidangan warisan Melayu ini mampu menjadi tarikan ramai yang menggemari masakan tradisional dan sekali gus memberi peluang mereka mengimbaskan kembali kenangan berbuka berpuasa di desa.

“Tema Sajian Khazanah Desa ini diketengahkan kerana setiap kali tibanya bulan Ramadan, pasti ramai warga kota yang mahu berbuka dengan menu-menu kampung atau pun desa.

“Dalam masa yang sama, kami

mahu ajak pengunjung yang datang ke sini untuk mengimbau kenangan suasana desa. Salah satunya adalah dengan menu-menu yang kami sediakan.

“Bukan itu sahaja, suasana hiasan di sini pun bertemakan desa seperti terdapat pondok kecil, pelita dan sebagainya. Pendek kata ia amat dekat dengan konsep yang kami bawakan,” katanya.

Manakala **Cef Mohd Fazly Abdul Rahaman**, 41, pula memberitahu harga RM188 yang ditawarkan Pullman Bangsar adalah berbaloi kerana para pengunjung boleh menikmati lebih 150 juadah tempatan dan juga antarabangsa.

“Walaupun harga bahan mentah naik, itu bukan alasan untuk kami tidak berikan yang terbaik buat pelanggan. Semuanya yang terbaik kami tampilkan.

“Apabila ramai pelanggan dan selebriti berpuas hati dengan sajian yang kami sediakan, lega kami dengar. Janji mereka yang datang berbuka puasa pulang dengan gembira.

“Apa yang menarik, orang bukan Islam pun turut sama-sama meraikan Ramadan dengan berbuka puasa di Pullman ini.

“Malah ada yang sama-sama berbuka puasa dengan pelanggan kami yang berpuasa. Di sini kita juga dapat lihat hubungan antara kaum semakin erat,” jelasnya.

Antara menu yang disediakan adalah gulai kawah, gulai patin tempoyak, gulai ikan, kari kambing, nasi beriani, asam pedas, sup tulang, roti canai, roti john, aneka sup, nasi ayam Hainan, ayam tandoori, pasta, shawarma kebab dan lain-lain.




Tidak dilupakan juga hidangan asam pedas ikan, kambing bakar, sate celup gasing, ikan bakar Portugis, pencuci mulut mewah lain dan aneka minuman.

Kesemua menu yang disajikan pada kali ini disediakan oleh Cef Borhan yang merupakan pakar dalam masakan Melayu dengan pengalaman selama 30 tahun bekerja di pelbagai hotel di Sri Lanka, India dan Indonesia.

Cef Borhan telah mengabdikan kerjayanya dalam bidang kulinari bagi mempromosikan masakan Melayu di peringkat antarabangsa dan bekerjasama dengan Tourism Malaysia dalam mempromosikan masakan Melayu di Switzerland dan China (2003).

Untuk maklumat lanjut boleh hubungi di talian **03-2298 1888** (samb.5000) dan layari Instagram @pullmanklbangsar. WK



ANTARA 150 menu tradisional dan antarabangsa yang disajikan di Pullman Kuala Lumpur, Bangsar.



Imbas kod QR untuk melihat video

PPj, Syarikat Favoriot jalin kerjasama wujud penyelesaian bandar pintar baharu



SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) menjalin kerjasama bersama Syarikat Favoriot Sdn Bhd bagi menggunakan platform Favoriot sebagai platform *Internet of Things* (IoT) dalam meningkatkan serta mewujudkan penyelesaian bandar pintar baharu dan inovatif di Putrajaya.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, platform Favoriot merupakan sebuah projek perintis yang dibidayai oleh National Technology Innovation Sandbox (NTIS) di bawah kategori Single Site Innovation Sandbox yang mana bertujuan untuk mengumpul dan menyeraksaan data daripada pelbagai jenis sensor sedia ada di Putrajaya.

"Platform Favoriot adalah perisian IoT sistem terbuka di mana boleh menerima data daripada pelbagai jenis penderia IoT dihasilkan oleh pelbagai vendor dan membolehkan PPj mengintegrasikan penyelesaian IoT berbeza ke dalam satu papan pemuka berpusat yang dipaparkan



FADLUN (kiri) dan Pengasas Syarikat Favoriot, Dr Mazlan Abas menukar nota kerjasama ketika perjumpaan bersama pihak Perbadanan Putrajaya baru-baru ini.

di Pusat Pemantauan dan Kawalan Putrajaya / Putrajaya Command Centre (PCC).

"Pada masa kini di mana pelbagai penyelesaian IoT ditawarkan oleh pelbagai pihak boleh menjadi cabaran untuk mengurus pelbagai format data dengan pelbagai papan pemuka untuk dipantau.

"Oleh itu, platform Favoriot membolehkan penyelarasan penderia IoT daripada pelbagai vendor yang mematuhi protokol standard untuk

dipaparkan dan diuruskan secara berpusat di PCC," kata beliau dalam satu kenyataan media.

Selain itu, beliau memaklumkan pihak PPj menerusi Pelan Tindakan Bandar Pintar sedang mewujudkan sebuah bandar yang menggunakan peranti IoT yang saling berhubung di antara satu sama lain melalui infrastruktur IoT di Putrajaya.

"PPj juga sedang mengembangkan pembangunan serta penggunaan IoT di Putrajaya

termasuk di dalam pemantauan infrastuktur dan alam sekitar.

"Sehubungan dengan itu, kami sangat menghargai inisiatif pihak kerajaan melalui NTIS, di mana ia memberikan PPj satu penyelesaian baharu yang inovatif bagi membantu menguruskan bandar raya dengan lebih baik," ujar beliau.

Fadlun berkata PPj menyaskan Putrajaya menjadi model contoh kepada bandar-bandar lain dalam menggunakan pendekatan 'inovasi

PICC edar 3,000 bubur lambuk pandu lalu buat komuniti Putrajaya

DIANA AMIR

BERSEMPENA bulan Ramadan, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) mengedarkan sebanyak 3,000 bungkus bubur lambuk percuma kepada komuniti Putrajaya baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Convention & Exhibition Putrajaya Sdn Bhd (Co-X), **Mahmad Anuar Othman** berkata edaran bubur lambuk tersebut adalah di bawah Program Cita Rasa Klasik Bubur Lambuk yang dianjurkan oleh pihak PICC pada setiap tahun.

"Ia merupakan program tahunan Co-X dengan kerjasama Kelab

Sukan dan Rekreasi Co-X (KSR) sejak 2015 di mana kita mengedarkan bubur lambuk percuma kepada orang ramai pada hari pertama Ramadan, 23 Mac lalu.

"Agihan adalah secara pandu lalu bermula pada pukul 4 petang bertempat di lobi aras Mezzanine PICC," kata beliau menerusi satu kenyataan media.

Beliau berkata program ini merupakan sebahagian daripada inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Co-X yang bertujuan mendekati masyarakat

dan berkongsi kemeriahan bulan yang mulia ini.

"Pengedaran bubur lambuk ini akan diteruskan pada masa akan datang sebagai satu tradisi. Ia juga sebagai usaha untuk meningkatkan hubungan antara kakitangan, pengurusan tertinggi dan komuniti Putrajaya.

"Kita menggunakan pelbagai jenis rempah-ratus, kentang dan daging yang dimasak oleh barisan cef serta kakitangan pengurusan. Sejumlah 150 kilogram (kg) beras dan lebih 15kg daging kisar digunakan sebagai ramuan utama dalam bubur lambuk yang dimasak dalam enam periuk," ujar beliau. bubur lambuk ini juga merupakan antara menu pencuci mulut bagi Cita Rasa Klasik Buffet Ramadan setiap tahun.

Dalam pada itu, Anuar turut mempromosikan buffet Ramadan PICC yang menawarkan sebanyak 250 menu berkonsepkan Cita Rasa Klasik.

"Kita menawarkan pelbagai menu warisan Melayu antaranya ayam masak gulai pegaga dan banyak lagi pada harga RM98.00+ untuk dewasa manakala RM49.00+ buat kanak-kanak bermula pukul 6.30 petang sehingga 10.30 malam.

"Promosi berbuka puasa Cita

dan percubaan-sebelum-komersial' melalui makmal hidup (*live lab*) yang mana ia turut menyediakan tempat yang sesuai untuk bandar lain memahami bagaimana bandar pintar benar-benar beroperasi.

Dalam pada itu, beliau memaklumkan sebelum ini Projek Sandbox turut bersama-sama membantu memberikan input kepada Garis Panduan Piawaian Bandar Pintar Negara.

"Sebagai langkah ke hadapan, PPj dan Syarikat Favoriot juga akan dapat menyediakan latihan IoT di Putrajaya untuk menggalakkan pertumbuhan bakat IoT tempatan.

"Projek Sandbox ini dilaksanakan menggunakan Model *Build-Operate-Transfer* di mana pihak PPj akan mengendalikan dan menguruskan platform IoT bandar pintar," jelas beliau projek ini telah pun mencapai kejayaan penting yang mana beberapa penyelesaian IoT sedia ada di Putrajaya telah diselaraskan dan kini dikendalikan di PCC.

Terdahulu, perjanjian yang ditandatangani pada 9 Disember 2022 di antara pihak PPj dan Syarikat Favoriot adalah bagi mengesahkan kerjasama di antara kedua belah pihak berkaitan penggunaan platform Favoriot sebagai platform IoT bandar pintar. **W.K**



MAHAMD Anuar (dua dari kiri) turut serta mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai secara pandu lalu di lobi PICC baru-baru ini.

KUIZ RAMADAN KAREEM
@PUTRAJAYA

Hadir...

Tempat Pertama	RM 300.00
Tempat Kedua	RM 250.00
Tempat Ketiga	RM 200.00
Tempat Keempat	RM 150.00
Tempat Kelima	RM 100.00

06 - 16 Ramadhan 1444H
28 Mac - 07 April 2023

Sila Imbas Qr Code Untuk Syarat & Caril Panduan Pertandingan

W.K

Usaha tingkat prestasi

Dzurianis Aqisyah sasar pecah rekod peribadi

SABRINA SABRE

MENGGENGAM impian bergelar atlet lompat galah berkualiti tinggi, Dzurianis Aqisyah Dzurihamin Azmi, 17, amat menitikberatkan penjagaan pemakanan untuk mengekalkan stamina yang hebat ketika beraksi di padang.

Kongsinya kepada Wilayahku, dia melebihkan pengambilan protein, sayur-sayuran serta buah-buahan dalam setiap menu yang diambil.

"Bukan sahaja atlet, kita semua memang wajar mengurangkan pengambilan makanan berminyak dan manis untuk mendapatkan kesihatan yang baik. Saya betul-betul menjaga pemakanan kerana ia amat penting bagi atlet balapan seperti saya," ujarnya.

Sudah sebatas dalam sukan lompat galah sejak berumur 13 tahun namun pelajar Sekolah Sukan Malaysia Pahang ini tidak mahu mempertaruhkan masa hadapannya demi sukan semata-mata.

"Buat masa sekarang, saya ingin menumpukan sepenuh perhatian terhadap bidang akademik. Saya tidak mahu mensia-siakan peluang untuk belajar bersungguh-sungguh dan memperolehi pekerjaan yang sesuai," ujarnya yang bercita-cita untuk bergelar seorang anggota polis suatu hari nanti.

Dalam pada itu, Dzurianis Aqisyah berkata dia sentiasa berusaha meningkatkan prestasi serta mem-



perbaharui rekod peribadi ke tahap yang lebih optimum. Kerana itu, dia amat mementingkan latihan secara konsisten setiap hari.

"Saya sentiasa berusaha sebaik mungkin untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Dengan latihan, kerja keras, usaha serta fokus, saya yakin kita semua pasti akan berjaya. Selain itu, ketahanan mental juga memainkan peranan yang penting. Saya perlu memberi 100 peratus fokus sebelum beraksi untuk mengelakkan sebarang kecederaan."

"Harapan saya dalam sukan lompat galah ini sangat besar kerana saya mahu pergi ke tahap yang lebih tinggi lagi bukan sahaja peringkat kebangsaan tetapi juga di pentas antarabangsa," ujarnya.

Menjadikan atlet lompat galah Sweden, Armand Duplantis sebagai idola, anak kelahiran Kuala Lumpur ini berazam ingin menyumbangkan pingat emas dan mengharumkan nama negara pada masa hadapan.

Pencapaian Dzurianis Aqisyah

2023 – Taiwan Nantou International Pole Vault Championship – Top 15

2022 – Kejohanan Olahraga Terbuka Kuala Lumpur – Tempat keenam

2022 – Majlis Sukan Sekolah Malaysia (MSSM) – Tempat kelima



"Saya merupakan satu-satunya ahli keluarga yang terlibat dalam bidang sukan. Jadi sudah tentu saya tidak mahu menghamparkan harapan keluarga yang menjadi tulang belakang selama ini," ujar anak bongsu daripada empat orang adik-beradik ini. WK

Tiada jaminan berada dalam skuad Sukan SEA Kemboja 2023 Mei depan

TIADA sebarang jaminan buat pemain hoki yang beraksi pada Kejohanan Hoki Dalam Dewan Piala Asia 2022 untuk kekal berada dalam skuad kebangsaan bagi membawa cabaran negara di Sukan SEA, Kemboja 2023 Mei depan.

Ketua jurulatih skuad hoki dalam dewan lelaki, Mohd Hanif Che Halim berkata tempat untuk 12 orang pemain bagi temasya dwitunggal itu, masih terbuka dan jurulatih hanya memilih pemain yang memberikan komitmen seratus peratus kepada pasukan itu.

Beliau berkata pemilihan skuad ke Kemboja itu akan dibuat selepas skuad yang berada di kem latihan sedia ada menjalani beberapa perlawanan persahabatan di Australia, bermula 9 hingga 19 April depan.

"Tempat untuk berada dalam skuad, terbuka sebab yang kita tarik masuk semua pemain yang begitu kuat, balik dari jelajah (perlawanan persahabatan) baru kita kecikkan kepada 12 orang.

"Kita akan betul-betul pilih yang beri komitmen seratus peratus," katanya kepada pemberita semasa lawatan Ketua Kontinen (CDM) Datuk Mohd Nasir Ali, ke sesi latihan skuad berkenaan di UTC Sentul.

Mengulas lanjut, Mohd Hanif yang sebelum ini pernah berada dalam skuad kebangsaan pada Sukan SEA

Filipina 2019 turut memaklumkan, seramai lapan pemain Kejohanan Hoki Dalam Dewan Piala Asia 2022 berada dalam Kem Latihan Sukan SEA, Kemboja itu.

Beliau berkata pemain hoki padang negara Syed Mohd Syafiq Syed Cholan, turut berada dalam latihan itu namun status pemain

berkenaan untuk bermain pada temasya berprestij terbabit, turut belum ditentukan.

Pada Ogos tahun lepas, pasukan hoki dalam dewan lelaki negara mencipta sejarah apabila menjuarai

Kejohanan Hoki Dalam Dewan Piala Asia 2022 dengan menewaskan juara bertahan Iran, 3-2 menerusi penentuan pukulan penalti pada aksi final di Bangkok, Thailand.

- BERNAMA



NOTIS / NOTICE	
PELANGGAN YANG DIHORMATI / TO OUR BELOVED CUSTOMER SEMPENA RAMADAN 1444 HIJRAH / AS RAMADHAN 1444 (2023) (23 MAC - 21 APRIL 2023)	
KOMPLEKS SUKAN MENDAKI TAMAN CABARAN PUTRAJAYA PRESINT 5 PUTRAJAYA CHALLENGE PARK WALL CLIMBING COMPLEX PRESINT 5	
WAKTU OPERASI / OPERATION TIME	
HARI / DAY	WAKTU / TIME
ISNIN, SELASA, KHAMIS DAN AHAD MONDAY, TUESDAY, THURSDAY AND SUNDAY	10.00 AM - 4.30 PM
RABU, JUMAAT DAN SABTU WEDNESDAY, FRIDAY AND SATURDAY	10.00 AM - 4.30 PM 8.30 PM - 10.30 PM
KAUNTER DITUTUP DARI 4.30 PM SEPANJANG BULAN RAMADHAN INI DAN DIBUKA SEMULA PADA 8.30 PM SEPERTI HARI YANG DINYATAKAN DIATAS. TERIMA KASIH	
COUNTER WILL BE CLOSED AT 4.30PM DURING RAMADHAN MONTH. WILL REOPEN AT 8.30PM AS STATED AT THE SCHEDULE ABOVE. THANK YOU	



KPDN bantu kembangkan perniagaan syarikat tempatan

LAPAN syarikat jualan langsung termasuk satu badan berkanun menerima Geran Kajian, Pembangunan dan Pengkomersilan (R&D&C) Program Khazanah Alam Industri Jualan Langsung dalam satu majlis di Dewan Serbaguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Putrajaya, pada Rabu.

Menterinya, **Datuk Seri Salahuddin Ayub** memaklumkan pemberian geran R&D&C ini bertujuan untuk memperkembangkan perniagaan jualan langsung di negara ini.

"Inisiatif ini khusus untuk membantu mengembangkan perniagaan khususnya kepada syarikat jualan yang mengeluarkan dan memasarkan produk tempatan berdasarkan sumber alam semula jadi serta membantu syarikat mengkomersialkan produk jualan langsung," jelas beliau.

Pada program yang sama, beliau turut menyerahkan lesen jualan langsung kepada beberapa syarikat tempatan.

"Majlis ini menyaksikan 14 syarikat menerima lesen baharu dan 54 syarikat turut menerima lesen pembaharuan.

"Justeru itu, KPDN berharap melalui pemberian geran ini, ia dapat meningkatkan dan memajukan industri jualan langsung, KPDN juga yakin industri ini akan



SALAHUDDIN (lima dari kanan) menyerahkan geran R&D&C kepada salah seorang wakil syarikat jualan di Dewan Serbaguna KPDN pada Rabu.

tambah kepada produk-produk khazanah alam tempatan.

"Pemegang lesen jualan langsung juga diingatkan agar sentiasa mematuhi segala peraturan yang telah digariskan demi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan aktiviti jualan langsung yang beretika di samping peka kepada hak serta kepentingan pengguna," kata beliau.

Selaku agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia industri jualan langsung, KPDN juga yakin industri ini akan

terus terus berkembang maju dan mampu menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi negara.

Turut hadir Ketua Setiausaha KPDN, Datuk Azman Mohd Yusof; Pengarah Kanan Sektor Perdagangan Pengedaran dan Perniagaan KPDN, Datuk Rohaizi Bahari; Presiden Malaysian Direct Distribution Association (MDDA), Datin Sylvia Koh; Timbalan Presiden Direct Selling Association of Malaysia (DSAM), Mohamad Zaihan Mohamed Ariffin serta pegawai kanan kementerian. **WK**

50 pakej pelancongan minat khas sempena ulang tahun Tourism Malaysia

DIANA AMIR

TOURISM Malaysia mempromosikan 50 pakej pelancongan minat khas pada tawaran harga istimewa bersempena sambutan ulang tahunnya ke-50.

Ketua Pengarah Tourism Malaysia, **Datuk Zainuddin Abdul Wahab** berkata menariknya, kesemua pakej ditawarkan dengan tema angka 50 seperti diskon 50 peratus, harga RM50, RM50.50 serta pelbagai penawaran lain.

"Secara keseluruhan, tawaran promosi ini melibatkan 32 pakej kembara dan alam semula jadi, tujuh pakej di bawah gaya hidup, enam pakej budaya dan warisan serta



ZAINUDDIN

lima pakej aktiviti marin dan sukan pelancongan," katanya.

Zainuddin berkata penawaran pakej pelancongan minat khas ini adalah seiring dengan trend pelancongan terkini oleh para pelancong yang lebih cenderung memilih produk berdasarkan pelancongan pengalaman.

"Orang ramai boleh membuat tempahan pakej untuk aktiviti kembara, penerokaan gua, merentas hutan, berkayak, berbasikal, berkhemah, karavan, selam scuba, golf, agropelancongan, inap desa, pencerapan burung (birdwatching), white water rafting, waterfall abseiling, jet ski excursion, rock climbing, nature

walk, night safari, river cruise dan animal sighting.

"Selain itu, ia turut merangkumi aktiviti jejak warisan, bergembira di taman tema, lawatan ke muzium serta rawatan spa," jelas beliau tawaran pakej sah sehingga 10 Ogos 2023 untuk perjalanan bermula dari 20 Februari 2023 sehingga 31 Mac 2024.

Tambah beliau, penawaran pakej ini turut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada 21 agensi pelancongan berdaftar dan empat pengusaha produk pelancongan seperti spa dan inap desa di seluruh Malaysia.

Orang ramai boleh melayari laman sesawang Tourism Malaysia di www.malaysia.travel untuk maklumat lanjut mengenai promosi yang ditawarkan. **WK**

Rabbani ajak peminat rebut lailatulqadar

DEEL ANJER

SEMPENA Ramadan tahun ini, kumpulan nasyid Rabbani dipilih oleh Semenyih Eco Venture Resort & Recreation untuk membawa pengunjung kembali ke alam semula jadi dan jauh dari kesibukan kota.

Mewakili Rabbani, **Azadan Abdul Aziz** berkata pelbagai aktiviti menarik dianjurkan sepanjang Ramadan di Semenyih Eco Venture Resort & Recreation antaranya kerjasama dengan Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM) dengan menyediakan program dalaman dan luaran.

"Alhamdulillah, Rabbani terus menjadi pilihan syarikat swasta dalam mengimarahkan bulan Ramadan dan secara tidak langsung ia sebagai bukti kumpulan nasyid masih relevan dalam industri tanah air ini.

"Sebagai kumpulan nasyid senior, kami perlu menunjukkan contoh terbaik kepada kumpulan nasyid baru untuk terus yakin dan bersemangat meneruskan legasi nasyid tanah air.

"Untuk berjaya dan kekal relevan, kami perlu bermula dengan komitmen dan memberikan kerjasama yang baik kepada semua pihak agar dapat melahirkan kepercayaan dalam menjalankan tugas," katanya.

Jelasnya, selain Majlis Berbuka Puasa, ia turut menyediakan Pakej Madrasah Ramadan dan Pakej Lailatulqadar.

"Bukan sahaja berbuka puasa, peminat boleh meluangkan masa di perkampungan ini untuk melakukan ibadat seperti mengaji, bertadarus, qiamullail dan banyak lagi.

"Kami juga menggalakkan peminat mengambil Pakej Lailatulqadar. Iya, kita memang tidak tahu bila malam lailatulqadar. Namun kebiasaan 10 hari terakhir.

"Kita sama-sama berusaha dan rebut peluang ini. Mudah-mudahan kita berpeluang bertemu lailatulqadar," ujarnya.

Azadan memberitahu, bufet Ramadan bersama Rabbani menyediakan lebih 200 menu masakan tradisional Malaysia, Asia dan Timur Tengah yang disediakan oleh satu pasukan pakar masakan yang berpengalaman.

"Menyahut seruan kerajaan, Semenyih Eco Venture Resort & Recreation membawa tema Perkampungan Madani Ramadan Dihayati sempena bulan Ramadan ini.

"Ia juga bermatlamat menjadikan lokasi ini sebagai pusat pelancongan Madani terbesar di Malaysia dengan pelbagai aktiviti menarik yang sedia ada di sini.

"Pelbagai aktiviti seperti memanah, paintball, berbasikal, berkayak dan aktiviti high rope seperti flying fox, wall climbing atau aktiviti lebih lasak seperti meredah hutan, sungai dan juga ATV," katanya. **WK**



RABBANI mengajak orang ramai berbuka puasa dan melakukan ibadat sepanjang Ramadan di Semenyih Eco Venture Resort & Recreation.